

**Jilid II  
Bil. 15**



**Hari Selasa  
6hb Julai, 1976**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Buku Yang Diharamkan [Ruangan 1585]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1586]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 1622]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976)  
[Ruangan 1623]**

**Jawatankuasa—**

**Kepala B. 4, B. 8 dan B. 9 (Jadual Kedua) [Ruangan 1628]**

**Kepala B. 16 (Jadual Kedua) [Ruangan 1638]**

**Kepala B. 51 (Jadual Pertama) dan Kepala B. 17 dan B. 18  
(Jadual Kedua) [Ruangan 1639]**

**Kepala B. 19 (Jadual Kedua) [Ruangan 1641]**

**Kepala B. 16 (Jadual Pertama) [Ruangan 1642]**

**Kepala B. 22 (Jadual Kedua) [Ruangan 1645]**

**Kepala B. 20 (Jadual Pertama) [Ruangan 1646]**

## **KANDUNGANNYA—(Samb.)**

**Kepala B. 22 (Jadual Pertama) [Ruangan 1656]**

**Kepala B. 24 dan B. 26 (Jadual Pertama) dan Kepala B. 26, B. 27  
dan B. 28 (Jadual Kedua) [Ruangan 1656]**

**Kepala B. 31 (Jadual Kedua) [Ruangan 1667]**

**Kepala B. 31 (Jadual Pertama) dan Kepala B. 34 dan B. 39  
(Jadual Kedua) [Ruangan 1669]**

**Kepala B. 43 (Jadual Kedua) [Ruangan 1672]**

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 4), 1974 [Ruangan 1626]**

#### **Jawatankuasa—**

**Kepala P. 16 [Ruangan 1642]**

**Kepala P. 20 [Ruangan 1646]**

**Kepala P. 26 [Ruangan 1656]**

**Kepala P. 30 dan P. 52 [Ruangan 1669]**

**Kepala P. 35 [Ruangan 1671]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

**Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

**Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI DATUK ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Perkampungan,  
TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,  
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRIK ANEK UREN  
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI  
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,  
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ADBUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.  
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.  
(Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE T'EN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LE BEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 6hb Julai, 1976

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

## BUKU YANG DIHARAMKAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum daripada saya teruskan dengan urusan yang ada dalam kertas Aturan Urusan Mesyuarat pada petang ini, saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu pada petang semalam waktu seorang Ahli Yang Berhormat dari Petaling bertanya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah beliau bercadang menghalalkan satu buku, saya sendiri tidak terpendang bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu telah ada dalam simpanannya buku yang telah diharamkan oleh Kerajaan itu, dan rupanya telah diangkat tunjuk kepada Dewan ini semalam. Ini satu kesalahan pada segi undang-undang. Apa yang telah diharamkan seperti sebuah buku itu tidak patutlah ada di tangan seseorang. Dukacita pada hari ini saya tengok Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak hadir.

Jikalau sekiranya saya sendiri telah nampak bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah menyebarkan buku dengan nama buku itu, saya tentu telah mengambil tindakan samada meminta Ahli Yang Berhormat itu meminta maaf kepada Dewan kerana kesilapan atau kurang fahaman dia dan serahkan buku itu kepada Setiausaha Dewan, ataupun saya akan mengambil tindakan meminta Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menyiasat bagaimanakah buku yang telah diharamkan itu ada di dalam tangan Ahli Yang Berhormat itu.

Apabila Ahli Yang Berhormat itu hadir kelak, esok atau lusa dalam Dewan ini, saya akan meminta Ahli Yang Berhormat itu meminta maaf kepada Dewan ini kerana kesilapan beliau ataupun kurang fahaman beliau atau kejahatan beliau membawa buku yang telah diharamkan itu ke dalam Majlis ini.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANMAJUIKAN—BEKALAN DAN  
HARGA IKAN

**1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan MAJUIKAN, adakah Kerajaan sedar tentang kekurangan bekalan ikan yang baru sekarang di pasar-pasar dan sebaliknya ikan-ikan yang sangat rendah mutunya dibekalkan dan dijual dengan harga yang mahal, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, soal ini agak umum sedikit. Walau bagaimanapun, oleh kerana ikan-ikan baru boleh didapati di pasar-pasar yang berhampiran dengan Pusat-pusat Pendaratan Ikan di pasar-pasar yang jauh daripada Pusat-pusat Pendaratan Ikan, mungkin terdapat mutu ikan ini rendah sedikit. Ini adalah disebabkan berbagai-bagai faktor, di antaranya ialah pengangkutan yang jauh, kurang air batu, cara-cara memeti dan juga keadaan cuaca dan hawa. Faktor-faktor ini boleh menyebabkan rendah mutu ikan itu.

Tentang harga pula kita tidak mempunyai kawalan harga. Ini disebabkan pengeluaran ikan tidak tetap daripada satu hari ke satu hari dan harga jualan di pasar-pasar adalah

bergantung dengan kos pengeluaran dan juga bergantung kepada jumlah ikan yang ditangkap pada satu masa ke satu masa.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh MAJUIKAN ialah membina banyak lagi kilang-kilang air batu dan mengadakan peti-peti ikan yang diperbuat daripada plastik untuk tujuan memelihara kemerosotan mutu-mutu ikan ini yang dibawa dari satu tempat ke satu tempat.

### **KERETA RASMI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**

**2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** meminta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan melonggarkan peraturan pinjaman kereta khasnya kepada pegawai-pegawai Imigresen, Kastam dan Polis bagi membolehkan mereka memiliki kereta-kereta berkuasa kuda yang kuat untuk mereka-mereka mengejar orang-orang yang masuk secara haram atau anasir-anasir jahat sekiranya mereka terjumpa semasa mereka tidak bertugas.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikirkan tidaklah perlu memberi kepada pegawai-pegawai Imigresen, Kastam dan Polis pinjaman wang kereta yang berlebihan dari kadar pinjaman yang telah ditentukan untuk membolehkan mereka memiliki kereta-kereta berkuasa kuda yang kuat. Apabila ditugaskan meronda bagi mengawasi penyeludup-penyeludup atau anasir-anasir jahat, pegawai-pegawai Kerajaan akan menggunakan kereta-kereta rasmi yang disediakan dengan bilangan secukupnya dan kereta-kereta ini mempunyai kuasa kuda yang kuat. Jika terserempak di waktu bukan bertugas, dan sekiranya perlukan usaha besar-besaran pegawai-pegawai hendaklah juga memberitahu pejabat masing-masing supaya sesuatu rancangan menangkap yang bersalah itu diatur dengan kemas dan tercapai dengan jayanya.

### **PENUNTUT BUMIPUTRA ALIRAN SAINS**

**3. Tuan Lim Kian Hoon (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau berpuas hati tentang pencapaian-pencapaian penuntut-penuntut bumiputra aliran Sains di Universiti Malaya yang telah memasuki Universiti dengan kelayakan-kelayakan yang minima dalam sesi 1973/74 dan 1975/76.

### **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):**

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penuntut-penuntut bumiputra yang mempunyai kelayakan minima yang diterima masuk ke Fakulti-fakulti beraliran sains di Universiti Malaya ditempatkan untuk mengambil kursus-kursus persendirian seperti Pra-Kejuruteraan, Pra-Perubatan dan Pra-Sains. Tempoh bagi kursus-kursus ini ialah selama satu tahun dan bertujuan untuk memperbaiki pengetahuan asas mereka dalam mata-pelajaran-matapelajaran Sains. Kursus-kursus ini disediakan secara khas dan intensif untuk membolehkan seseorang itu memasuki tahun pertama bagi kursus pengajian yang diambilnya. Dalam peperiksaan Tahunan Sessi 1975/76, penuntut-penuntut bumiputra dalam aliran-aliran Sains yang diterima masuk di antara sesi-sesi 1973/74 dan 1975/76 telah mencapai kadar kelulusan seperti berikut:

|              |     |     |       |
|--------------|-----|-----|-------|
| Pergigian    | ... | ... | 97.8% |
| Kejuruteraan | ... | ... | 77.8% |
| Sains        | ... | ... | 84.9% |
| Perubatan    | ... | ... | 97.1% |

Melihatkan kepada perangkaan-perangkaan ini, saya adalah berpuas hati dengan peringkat kejayaan ini dan lebih berpuas hati lagi kerana ianya semakin bertambah baik.

### **PASARAN SAHAM (STOCK MARKET)**

**4. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor** minta Menteri Kewangan menyatakan samada berlaku percanggahan di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura; jika ya, adakah keadaan itu menjejaskan kelancaran perniagaan bahan-bahan mentah negara kita dan negara-negara di sebelah sini dan apakah langkah untuk memperbetulkannya.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Pasaran Saham (Stock Market) atau (Stock Exchange) menjalankan perniagaan saham-saham syarikat-syarikat awam yang disenaraikan dan tidak ada kaitan dengan urusan niaga dari hari ke sehari atau urusan niaga masa hadapan bagi bahan-bahan mentah. Perdagangan bahan-bahan mentah adalah diuruskan melalui saluran-saluran seperti Pasaran Getah Malaysia bagi getah, dan Pasaran Timah Pulau Pinang (Penang Tin Market) bagi timah.

## PELABUR-PELABUR ASING

**5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelabur-pelabur asing di negara ini yang enggan mematuhi undang-undang pelaburan negara ini, dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelabur-pelabur asing yang dikatakan enggan mematuhi Undang-undang Pelaburan negara ini adalah kecil dan cara mana mereka enggan mematuhi kepada satu-satu faktor yang tertentu. Ada yang enggan dengan tidak memahami dengan mendalamnya peraturan-peraturan di bawah satu-satu Undang-undang ataupun tidak memahami dengan mendalamnya satu-satu dasar yang dibuat oleh Kerajaan khususnya menyentuh Dasar Ekonomi Baharu.

Jadi, bilangan yang dikatakan enggan dengan cara dua yang saya katakan tadi mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan di bawah Undang-undang Pelaburan negara adalah kecil. Tindakan yang telah diambil terhadap mereka adalah bergantung kepada kesalahan yang telah mereka lakukan samada ianya mengenai syarat-syarat bersabit dengan Dasar Ekonomi Baru ataupun syarat-syarat yang berkaitan dengan dasar pelaburan pada amnya. Sebelum apa-apa tindakan diambil Kementerian terpaksa terlebih dahulu memastikan sebab-sebab mengapa syarikat-syarikat tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan kepada mereka itu, samada disebabkan oleh kesukaran atau kepayahan yang tidak dapat dielakkan untuk mematuhi syarat-syarat tersebut, ataupun syarikat-syarikat itu sengaja enggan mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan itu.

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap syarikat-syarikat yang enggan mematuhi Dasar Ekonomi baharu ialah dengan cara menarik balik, umpamanya, galakan ataupun insentif yang telah diberikan kepada mereka, ataupun menolak permohonan untuk mendapatkan lanjutan pengecualian cukai. Dalam pada itu Kementerian juga tidak akan menyokong

syarikat-syarikat yang terlibat untuk mendapatkan lain-lain kemudahan seperti mendapatkan pengecualian cukai impot terhadap bahan-bahan mentah untuk keperluan mereka, alat, alat jentera dan sebagainya. Tindakan yang sama telah juga diambil untuk menolak permohonan-permohonan mereka bagi mendapatkan pas kerja bagi pegawai-pegawai dagang yang mereka perlukan. Kalau ada perkara semacam ini berbangkit Kementerian akan mengemukakan syor-syor atau cadangan kepada pihak yang berkenaan, khususnya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana kami mencadangkan bahawa pas lawatan ataupun pas kerja bagi pegawai-pegawai syarikat yang berkenaan itu tidak diluluskan, ataupun kalau dia telah bekerja di sini sudah lama tidak disambung apabila tamat pas kerja.

## INSTITIUT-INSTITIUT LATIHAN

**6. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan Institiut institiut Latihan Perusahaannya di Malaysia pada masa ini, dan bilangan institiut yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (b) bila sebuah institiut akan dibina di Sabah, di mana ia akan ditempatkan dan jumlah wang yang akan dibelanjakan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya ada dua buah Institiut Latihan Perindustrian iaitu sebuah di Kuala Lumpur, di Jalan Kucai Lama dan sebuah lagi di Pulau Pinang di Kawasan Perindustrian Perai. Institiut yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah tiga buah lagi, sebuah di Kuala Trengganu, sebuah di Johor Bharu dan sebuah lagi di Kota Kinabalu. Institiut yang dicadangkan di Kota Kinabalu itu akan dimulakan dalam pertengahan tahun 1977 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1979. Belanja untuk membinanya adalah lebih kurang \$6.8 juta.

## JENAYAH PERDAGANGAN OLEH PASUKAN POLIS

7. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada sebarang langkah telah diambil untuk melatih satu bahagian Perdagangan yang cekap di dalam pasukan polis untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan jenayah perdagangan yang rumit di kedua-dua bahagian swasta dan awam.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil sejak tahun 1962 lagi, apabila kita mengadakan satu Bahagian Jenayah Perdagangan dan Bahagian ini disusun semula pada 1-1-1970 di mana kita mengadakan cawangan bahagian bagi tiap-tiap negeri supaya cekap di dalam membentasi semua segi kegiatan jenayah perdagangan. Dan pada bulan November, 1975 untuk memperbaiki lagi atau meningkatkan lagi kecekapan mereka kita mengadakan kursus yang tertentu kepada pegawai pegawai polis dalam jurukira iaitu dimasukkan ke dalam Institiut Teknologi MARA (I.T.M.) dan sambil itu kita banyak mendapat kerjasama daripada Accountant-General di dalam penyiasatan-penyiasatan yang dibuat. Umpamanya, tidak berapa lama dahulu Malayan Banking, Tampin telah ada terjadi peristiwa di mana \$2 juta telah jadi tipuan. Perkara ini dapat dibereskan. Jadi, kita berasa bahawa Badan ini adalah bekerja dengan baik. Mereka mempunyai tugas iaitu menjaga tipuan, pecah amanah, membuat perkara palsu dengan tujuan menipu dan juga pengedar dan juga menggunakan wang-wang palsu.

## PENGOREKAN JALAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

8. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pengorekan jalan dalam Wilayah Persekutuan pada masa sekarang ini sedang menjadi-jadi, sedangkan apabila pekerjaan itu telah siap dibereskan beberapa lama dengan tidak menimbulkan kembali dengan betul dan mengetarnya; kiranya sedar, apakah tindakan segera yang akan diambil dalam perkara ini.

(b) tidakkah ada satu koordinasi antara jabatan-jabatan yang berkenaan yang membuat pengorekan-pengorekan jalan ini supaya kerja-kerja pengorekan jalan dikerjakan dengan seberapa segera dan teratur untuk mengelakkan kesusahan kepada pengguna-pengguna jalanraya di kawasan ini; dan

(c) rancangan konkrit Dewan Bandaraya pada masa hadapan dalam hal ini supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak berulang lagi.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan sedar bahawa memang ada kesukaran-kesukaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalanraya disebabkan oleh pengorekan jalan di dalam Wilayah Persekutuan dalam kes-kes Dharurat. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana kerja-kerja pengorekan adalah dijalankan oleh jabatan-jabatan lain seperti L.L.N., Talikom dan Jabatan Kerja Air. Dewan Bandaraya hanya akan dapat menjalankan kerja-kerja membaiki jalan semula apabila tempahan (order) diterima dari jabatan-jabatan yang berkenaan. Jabatan-jabatan tersebut adalah bebas pada bila-bila masa untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan tanpa memberitahu pihak Dewan Bandaraya terlebih dahulu. Oleh itu terpujanglah kepada jabatan-jabatan tersebut untuk membuat tempahan kepada Dewan Bandaraya secepat mungkin untuk membaiki semula jalan yang telah dikorek.

(b) Memang ada koordinasi antara jabatan-jabatan yang berkenaan tetapi adalah terpujang kepada jabatan-jabatan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan dengan menimbulkan kesukaran-kesukaran sekecil yang mungkin di samping membuat urusan segera dengan Dewan Bandaraya untuk memperbaiki jalan-jalan yang telah dikorek.

(c) Dewan Bandaraya akan berusaha sedaya upaya di masa hadapan untuk bekerjasama dengan jabatan-jabatan yang tersebut untuk mengelakkan dan

mengurangkan kesukaran dan kesusahan kepada pengguna-pengguna jalanraya. Dalam hal ini Dewan Bandaraya akan berunding dengan jabatan-jabatan yang sering terlibat untuk mengujutkan rancangan-rancangan yang konkrit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan (Co-ordinating Committee) telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya yang mengandungi wakil-wakil L.L.N., Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Air dan Jabatan Kerja Raya. Dewan Bandaraya memberitahu pada tiap-tiap minggu kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan mengenai cadangan yang diterima oleh pihak Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya samada cadangan-cadangan dari Badan-badan Kerajaan atau sektor swasta untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan dalam masa hadapan.

### BUKU-BUKU TEKS

**9. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Sekolah-sekolah Ugama Rakyat dan swasta di Kelantan mendapati sukar untuk membeli buku-buku teks kerana penjual-penjual tidak membekalkan buku-buku ini kepada Sekolah-sekolah tersebut, tetapi Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan diberi bantuan buku teks oleh Kerajaan dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, kesulitan mendapatkan buku-buku teks ini kadang-kalanya juga dihadapi oleh sekolah-sekolah Kerajaan. Dalam mengatasi masalah ini, Kementerian Pelajaran telah mengarah Pengarah Pelajaran di setiap negeri dalam minggu kedua bulan Februari untuk menghubungi semua sekolah di dalam negeri. Guru-guru Besar adalah dikehendaki menghubungi penerbit-penerbit berkenaan dengan memberitahu maklumat-maklumat yang diperlukan. Di dalam masa yang sama Biro Buku-buku Teks juga mengambil langkah berhubung dengan penerbit-penerbit untuk menyegerakan pembekalan. Hasil dari tindakan ini banyakkah kes-kes kesukaran mendapatkan buku-buku teks diselesaikan. Dengan demikian sekolah-sekolah Ugama Rakyat dan Swasta dinasihatkan berhubung

terus dengan penerbit-penerbit berkenaan apabila menghadapi kesukaran mendapatkan buku-buku teks.

### KADAR INFLASI

**10. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan samada inflasi masih menjadi masalaah utama dan nyatakan kadar inflasi yang dianggarkan untuk tahun ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, inflasi di Malaysia tidak merupakan satu masalaah besar pada masa sekarang. Ia bukan lagi merupakan satu masalaah besar setelah kadar-kadar inflasi seperti yang ditunjukkan oleh Angka Tunjuk Harga Pengguna mulai turun dari kadar tahunan yang tertinggi iaitu sebanyak 24% dalam bulan Mac, 1974 kepada kadar purata sebanyak 4.5% bagi keseluruhan tahun 1975. Kadar inflasi bagi tahun 1976 iaitu tahun ini adalah dianggarkan dalam lingkungan 5%.

Keadaan inflasi pada masa ini bertambah baik. Pada kadar purata tahunan, Angka Tunjuk Harga Pengguna bagi empat bulan pertama tahun 1976 menunjukkan pertambahan sebanyak 1.4% sahaja berbanding dengan 7.8% dalam masa yang sama tahun 1975. Kadar pertambahan yang lebih kecil di dalam angka tunjuk ini adalah disebabkan oleh kejatuhan di dalam kadar-kadar komponen utama Angka Tunjuk Harga Pengguna seperti barang-barang makanan, pakaian dan kasut.

### RAKYAT MENINGGAL DUNIA AKIBAT BUNUH DIRI

**11. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai rakyat negara ini meninggal dunia disebabkan bunuh diri di dalam tahun 1974, 1975 dan 1976.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan rakyat kita yang meninggal dunia disebabkan membunuh diri pada tahun 1974 sebanyak 432 orang, pada tahun 1975 sebanyak 418 orang dan sehingga 30hb Jun, 1976 sebanyak 213 orang.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab-sebab sebahagian besar daripada mereka yang membunuh diri itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan tidak sempat bertanya (*Ketawa*). Tetapi apa yang didapati mengikut siasatan kemudian ada banyak perkara ini berbangkit dari sebab pecah rumah-tangga, ada juga perkara sebab hutang, yang disebabkan berhutang kalah judi dan banyak beberapa lagi sebab-sebab yang tidak ada kaitan yang boleh kita katakan di sini.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai bilangan kejadian bunuh diri adakah Kerajaan mencari jalan hendak mengatasi supaya dapat dikurangkan kejadian bunuh diri itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan Rancangan Malaysia Yang Kedua, Rancangan Malaysia Yang Ketiga, iaitu dengan bermaksud supaya rakyat semua dapat kenikamatan tetapi soal-soal peribadi itu kita hanya menasihatkan janganlah sampai membunuh diri (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi elok Kerajaan mengadakan satu Jabatan di mana mereka boleh minta nasihat dahulu. (*Ketawa*).

## PETROKIMIA DAN BARANG-BARANG TEMPATAN

**12. Datuk James Stephen Tibok** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa barang-barang buatan tempatan dijual dengan harga yang terlalu mahal di pasaran Malaysia, misalnya barang-barang petrokimia yang dibuat di Tampoi dijual dengan harga 97 sen sepau dan di Malaysia Timur hampir \$2 sepau. Tetapi di Singapura harga jualannya hanya 65 sen sepau dan jika dibeli melalui ejen-ejen harganya kurang dari itu, jika ya, apakah tindakan yang diambil mengenai perkara ini.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kenyataan bahawa setengah-setengah barang tertentu di dalam negara ini adalah harganya lebih sedikit tinggi daripada harga yang sama di luar negeri. Ini ada beberapa sebab.

Satu daripadanya oleh kerana kos bahan-bahan mentah yang dibawa masuk daripada luar negeri untuk dikeluarkan barang-barang ini dalam kilang-kilang kita adalah harganya lebih tinggi lagi daripada masa yang lampau.

Keduanya, faktor atau sebab yang penting ialah banyak barang-barang ini dikeluarkan di negara-negara yang biasa mengeluarkan barang-barang yang tertentu iaitu Jepun, Hongkong dan sebagainya, dan oleh kerana negara-negara yang berkenaan ini memerlukan pasaran yang luas untuk menjualkan barang-barang ini dan dengan adanya kenyataan daripada kita bahawa setengah-setengah negeri melarang masuk membawa barang-barang ini oleh kerana menjaga kilang-kilang perusahaannya sendiri, mereka dalam masa-masa yang lepas telah menjadikan negara kita ini sebagai dumping ground—tempat melonggokkan barang-barang yang tidak dapat dimasuk di negeri-negeri lain. Ini lebih-lebih lagi ada kenyataan kepada kita bahawa kos pengeluaran barang-barang ini di negeri yang berkenaan itu sendiri adalah lebih tinggi. Dalam pada itu harga pengeluaran dia terpaksa menjual harga-harga itu dengan murah daripada harga kos pengeluarannya dengan tujuan seperti saya katakan tadi supaya dapat memperluaskan lagi kawasan pasarannya terhadap barang-barang yang saya katakan tadi terpaksa dilonggokkan kepada negara yang berkenaan.

Berkenaan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa harga barang-barang yang disebutkan dalam soalan itu tinggi harganya di Malaysia Timur iaitu \$2 sepau walhal di sini cuma 67 sen sepau sahaja. Sukalah saya menyatakan bahawa mengikut kenyataan yang ada pada saya barang-barang ini diimport oleh negeri-negeri di Malaysia Timur iaitu Sabah, Sarawak daripada Hongkong, Singapura, Jepun dan dengan itu tidaklah dapat bagi pihak Kementerian saya mengawal kedudukan harga barang-barang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai harga atau barang yang sama di Singapura cuma 60 sen sepau dibandingkan dengan 97 sen sepau di Malaysia, ini adalah oleh kerana faktor yang kedua yang saya nyatakan tadi barang ini didump atau dilonggokkan dengan banyaknya di Singapura, kerana Singapura pintunya terbuka dengan tidak ada kawalan terhadap barang ini, dan

oleh kerana itu harga di Singapura terhadap barang ini adalah murah lagi daripada harga di sini. Tetapi suka saya menyatakan bahawa keadaan semacam ini berlaku buat sementara sahaja, oleh kerana harga yang dijual itu sebagaimana saya katakan tadi sebenarnya jauh lebih rendah daripada kos pengeluaran barang-barang tersebut di negara-negara yang berkenaan.

### PROJEK MAJUIKAN

**13. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauhmanakah kejayaan telah dicapai oleh MAJUIKAN dalam usahanya :

- (a) untuk memperbaiki taraf hidup nelayan-nelayan di negara ini; dan
- (b) untuk memastikan bekalan ikan yang mencukupi kepada penduduk-penduduk negara ini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang dicapai oleh MAJUIKAN adalah banyak dengan melalui kegiatan-kegiatan dan projek-projek MAJUIKAN, kaum nelayan yang telah dapat menyertai projek ini telah mendapat faedah di antaranya :

- (a) Lebih kurang 1,000 nelayan telah mendapat peluang pekerjaan di dalam projek-projek penangkapan ikan.
- (b) Pendapatan nelayan-nelayan telah bertambah dengan menyertai projek-projek penangkapan ikan iaitu purata kira-kira di antara \$150 seorang sebulan dan ada yang hingga sampai mendapat \$500 berbanding dengan dahulunya cuma di antara \$60 hingga \$80 sahaja.
- (c) Peluang-peluang pekerjaan juga terdapat di dalam bidang-bidang pembinaan bot.
- (d) Nelayan-nelayan boleh mendapat bekalan air batu yang cukup dengan harga yang berpatutan.
- (e) Pembinaan kilang memproses udang dan ikan pula merupakan tambahan saluran pasaran bagi hasil tangkapan nelayan-nelayan.
- (f) Dengan adanya sekim kawalan pemasaran ikan, pemusatan pendaratan ikan yang teratur, nelayan-nelayan telah mendapat harga yang lebih baik bagi hasil tangkapan mereka.

(g) Melalui Persatuan Nelayan mereka telah mendapat bermacam-macam faedah seperti bekalan minyak, air batu, alat penangkapan ikan yang cukup dengan harga yang berpatutan.

(h) Nelayan-nelayan sekarang boleh mendapat harga ikan yang lebih baik melalui saluran pemasaran yang diuruskan oleh Persatuan Nelayan.

(i) Nelayan-nelayan melalui Persatuannya lebih mudah mendapat kredit untuk memberi alat-alat menangkap ikan; dan

(j) MAJUIKAN telah dapat menambah bekalan ikan di negara ini sebanyak 10,530 tan pada tahun 1975 iaitu lebih kurang merupakan 2.7% daripada jumlah tangkapan seluruhnya dan bagi menolong nasib nelayan-nelayan bukan hanya tanggungjawab MAJUIKAN tetapi juga Jabatan Perikanan telah memberi banyak kemudahan-kemudahan.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa satu daripada kemudahan yang diperolehi daripada MAJUIKAN ialah kredit untuk mendapat alat-alat menangkap ikan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan apakah cara kredit yang boleh diperolehi oleh nelayan-nelayan?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan menyertai persatuan-persatuan nelayan maka persatuan-persatuan nelayan telah dapat menganjurkan dan memberi sokongan kepada nelayan-nelayan yang betul-betul memerlukan kredit untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan.

**Dr Chen Man Hin:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada setengah-setengah terdapat kekotoran (pollution) di laut di negara kita yang mana terdapat banyak tumpahan minyak yang mengancamkan pendapatan orang yang bekerja di laut. Apakah langkah Kerajaan untuk mencegah kekotoran ini?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soal pollution yang terjadi ini bukan di semua kawasan,

hanya sebahagian kecil di sebelah pantai. Tetapi walau bagaimanapun pihak Kementerian ini cuba memberi pertolongan kepada nelayan-nelayan yang terlibat dalam soal pollution dengan memberi bantuan subsidi bot, enjin dan sebagainya supaya nelayan-nelayan boleh dapat menangkap ikan lebih jauh ketengah daripada di tepi-tepi pantai.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tidakkah pihak Kementerian yang berkenaan mencadangkan supaya pendapatan daripada nelayan ini bertambah dengan mengadakan bot-bot yang lebih besar supaya mendapat pendapatan yang lebih lumayan, yang mana pada hari ini hanya 30 tan sahaja. Bolehkah pihak Kementerian membuat cadangan lebih daripada itu?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang menjadi hasrat Kementerian Pertanian untuk menangkap ikan di laut yang lebih jauh lagi ke tengah dengan mengadakan bot-bot yang lebih besar, sebagai projek percubaan telah pun dijalankan di Sarawak dengan menyewa bot yang datang daripada Kuwait yang telah dijalankan di sebelah Negeri Sarawak dan juga pihak MAJUIKAN pada hari ini juga telah membuatkan bot-bot yang lebih besar daripada bot-bot yang biasa bagi menambahkan lagi pendapatan nelayan dan dengan yang demikian dapat menjalankan tangkapan ikan dengan lebih jauh ke tengah sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Embong bin Yahya:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pihak MAJUIKAN atau nelayan bersungut kerana mereka tidak dapat keuntungan yang banyak disebabkan harga minyak disel mahal sangat.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memanglah kita dengar sungutan daripada pihak nelayan-nelayan mengenai soal harga minyak disel kerana minyak disel yang diperlukan oleh nelayan-nelayan ini terpaksa mendapat harga seperti harga minyak disel yang dijual kepada kilang-kilang perusahaan, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan sedang

menimbangkan perkara ini dan akan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kecil.

**Tuan Abu Bakar bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bantuan juga dikeluarkan kepada nelayan-nelayan yang hidupnya di sepanjang sungai-sungai?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan nelayan-nelayan ini memanglah hidupnya di tepi-tepi sungai dan kebanyakannya memang begitu kerana jarang nelayan-nelayan yang duduk jauh daripada sungai, apabila jauh daripada sungai mereka tidak dipanggil lagi nelayan tetapi dipanggil petani.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa satu-satu daripada facilities yang boleh diberi ialah dengan membekalkan air batu kepada nelayan-nelayan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa alat-alat yang diutamakan oleh nelayan-nelayan itu ialah jaring menangkap ikan, dan adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pada masa ini hanya sebuah perusahaan sahaja yang monopoli untuk membekalkan jaring menangkap ikan itu. Jika sedar, apakah langkah yang boleh dibuat oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengelakkan supaya monopoli ini dapat dikurangkan supaya harga jaring ikan akan bertambah murah.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar bahawa kesulitan nelayan-nelayan itu ialah soal jaring dan juga soal enjin bot yang dikehendaki supaya mereka dapat kemudahan menangkap ikan jauh ketengah. Jadi, itulah sebabnya Kementerian ini telah memberi bantuan kepada nelayan kecil, yang mana di dalam tahun yang lalu sahaja kita telah mengeluarkan bantuan sebanyak \$1,082,174 di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak \$549,991. Masaalah orang yang menjual jaring secara monopoli itu, saya fikir tidak berbangkit kerana biasanya Kementerian saya untuk membeli jaring dan enjin bot ini kita tender terlebih dahulu kepada semua swasta yang didapati harganya lebih murah dan jaring yang baik dan menasabah, maka itulah akan menjadi

pilihan Kementerian ini untuk membekalkan jaring-jaring melalui subsidi yang diberikan kepada nelayan itu.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah mengenai ikan air (laut) atau ikan air masin. Saya ingin mendapat penjelasan apakah peranan MAJUIKAN terhadap perusahaan ikan air tawar.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya MAJUIKAN juga telah menjalankan satu projek ikan air tawar tak jauh daripada Kuala Lumpur iaitu di Pucung, lebih kurang 50 ekar kawasan ikan air tawar telahpun dijalankan projek ini. Selain dari itu, pihak Jabatan Perikanan sendiri telahpun memberi latihan kepada petani-petani yang mana tahun lalu sebanyak 1,034 orang telah diberi latihan bagaimana untuk menternak ikan air tawar kerana kita banyak memerlukan jumlah pengeluaran ikan air tawar dalam negara ini untuk keperluan rakyat.

#### SIJIL-SIJIL DARI PERSATUAN SEKOLAH PERSENDIRIAN CHINA

**14. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China akan diiktiraf oleh Kerajaan dengan menetapkan Sijil Persendirian "Junior Middle Three" setanding dengan Sijil Rendah Pelajaran dan sijil "Senior Middle Three" setanding dengan Sijil Pelajaran Malaysia; dan
- (ii) apabila mengambil guru-guru pelatih dijalankan, keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai sijil daripada Persatuan Sekolah Persendirian China kerana mereka adalah amat sesuai untuk mengajar di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China; jika tidak mengapa.

**Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (i) Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengiktiraf sijil-sijil Junior Middle Three dan Senior Middle Three yang dikeluarkan oleh Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China.

- (ii) Kementerian Pelajaran juga tidak memberi apa-apa keutamaan kepada pemilik sijil yang dikeluarkan oleh mana-mana Badan Swasta.

#### JAWATANKUASA PENGKAJIAN SEMULA KABINET ATAS PELAJARAN

**15. Dr Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan kemajuan (progress report) Jawatankuasa Pengajian Semula Kabinet ke atas pelajaran, bilakah laporan tersebut akan siap dan dibentangkan, dan samada masa akan diberi untuk perbahasan ke atas laporan tersebut.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini draf terakhir sedang disediakan oleh Jawatankuasa Induk untuk pertimbangan Jawatankuasa Menteri dengan sehalus-halusnya. Oleh kerana Jawatankuasa ini hendak memberi perhatian yang mendalam, maka Jawatankuasa ini akan memerlukan masa yang secukupnya. Sebaik sahaja semua kerja selesai, Jawatankuasa ini akan mengemukakan laporannya kepada Kabinet untuk tindakan seterusnya.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Oleh sebab ini sangat penting dan tidak beberapa lama lagi Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan, bolehkah Laporan itu dicepatkan sedikit untuk Rancangan Malaysia Ketiga, sebab kalau ada polisi yang betul, saya ingat masaalah pelajaran boleh berjalan dengan baik.

**Dr Mahathir bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri ingin supaya laporan itu disediakan dengan seberapa cepat yang mungkin, tetapi memandangkan kepada memorandum yang begitu banyak yang dikeskudkan serta juga pendapat-pendapat yang bertentangan antara satu dengan lain, kita perlu mengkaji pendapat-pendapat itu serta juga pendapat-pendapat yang datang daripada pegawai-pegawai supaya laporan yang dibuat adalah menasabah dan boleh diterima. Dalam masaalah pelajaran, saya ingin jelaskan iaitu tidak ada sesuatu yang boleh dilakukan dengan cepat oleh kerana tiap-tiap satu perubahan akan memakan masa sekurang-kurangnya 6 tahun sebelum kita dapat melihat kesannya.

## CARIGALI MINYAK

**16. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah usaha-usaha mencarigali minyak di Semenanjung Malaysia telah berhasil dan sehingga ini berapa buah telaga telah dijumpai dan di negeri mana; dan nama-nama syarikat yang mengusahakannya.

**Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak usaha mencarigali minyak dijalankan di Semenanjung Malaysia, 27 telaga minyak telah digali. 21 daripada telaga-telaga itu, yang telah digali di kawasan dasar laut Negeri Trengganu, telah menunjukkan kemungkinannya bahawa minyak yang mencukupi untuk didagangkan boleh didapati.

Syarikat-syarikat yang telah menjalankan usaha mencarigali ialah Syarikat Exxon di dasar laut Trengganu dan Syarikat Continental Oil (Conoco) di dasar laut Negeri Pahang.

## PEMBINA HARAM—PERUMAHAN

**17. Tuan Lim Cho Hock** bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan samada beliau sedar bahawa ada lagi beberapa pengusaha perumahan yang tidak mempunyai lesen-lesen pembina perumahan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang telah mengambil cagaran dan lain-lain bayaran.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa ini telah dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat pada persidangan Dewan Rakyat yang diadakan dalam bulan Mac/April, 1976. Dan soalan tersebut telahpun saya jawab pada 12hb April, 1976.

## BEKALAN LETRIK DI HILIR PERAK

**18. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan sebab-sebab bekalan letrik di Daerah Hilir Perak sering kali tergendala, khasnya pada bulan Mei, dan Jun dan apakah langkah-langkah yang akan diambil atau telah diambil untuk mencegah peristiwa ini dari berlaku.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bekalan letrik ke kawasan Daerah Hilir Perak termasuk bandar Teluk Anson didapati daripada Syarikat Perak Hydro melalui talian penghantaran 22 kV yang disambung dari pencawangannya di Prah. Talian yang 26 batu panjangnya itu adalah melalui paya dan hutan serta kebun getah dan mengikutinya pula landasan keretapi sejauh lebih kurang 11 batu. Cuaca dalam bulan Mei dan Jun adalah kerap kali tidak begitu baik; oleh kerana talian ini lama ianya sentiasa disambar oleh kilat menyebabkan kerosakan dan oleh sebab talian itu melalui tempat-tempat yang jauh dari jalanraya maka pihak Lembaga Letrik Negara terpaksa mengambil masa yang panjang untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan itu. Maka inilah sebab utama bekalan letrik kerap tergendala di Hilir Perak dan mengambil masa yang panjang pula untuk memulihkan kerosakan-kerosakan itu.

Untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dialami pada masa sekarang L.L.N. telah lama membuat rancangan untuk menyambung bekalan letrik ke Daerah Hilir Perak itu melalui talian baru dari Kg. Gajah tetapi oleh kerana kesulitan mendapat kelulusan izin-lalu maka pembinaan talian itu telah mengalami kelewatan dan mengikut jadual yang terbaharu sekali bekalan dari Kg. Gajah hanya akan dapat disambung diakhir tahun ini. Apabila siap talian penghantaran baru yang saya sebutkan itu, bekalan letrik ke Daerah Hilir Perak tidaklah lagi akan mengalami gangguan-gangguan seperti yang terjadi pada masa yang kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu projek membawa bekalan letrik pukal melalui talian voltan tinggi 132 kV ke kawasan Hilir Perak itu memerlukan perbelanjaan sebanyak \$5.9 juta.

## HAADYAI—KUALA LUMPUR— PEMERIKSAAN PENUMPANG

**19. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa penumpang-penumpang kapal terbang dari Lapangan Terbang Haadyai di Negeri Thai yang datang ke Malaysia tidak ada pemeriksaan keselamatan dikenakan. Apakah jenis pemeriksaan keselamatan yang diambil di

dalam negara kita apabila penumpang-penumpang yang datang dari Lapangan Terbang Haadyai tiba dalam negara kita.

**Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita memerhati dan mengkaji soal keselamatan sempadan baru-baru ini kita betul dapat ketahui bahawa tidak ada pemeriksaan keselamatan dijalankan di Haadyai terhadap penumpang-penumpang kapal terbang yang hendak datang ke Bayan Lepas, Pulau Pinang. Oleh yang demikian, kita telah mengambil langkah dan tindakan untuk mengenakan pemeriksaan keselamatan yang lebih rapi lagi terhadap mereka yang datang daripada Haadyai.

#### PASUKAN SUKARELAWAN

**20. Tuan Oh Keng Seng** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan anggota-anggota pasukan sukarelawan yang masih berkhidmat di Malaysia, namakan negara-negara yang mereka mewakili dan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk menghapuskan sekim seumpama itu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung bulan Jun 1976 terdapat seramai 427 orang sukarelawan asing yang berkhidmat di Malaysia. Pecahan mengikut negara-negara yang diwakili adalah seperti berikut:

|                             |     |     |     |
|-----------------------------|-----|-----|-----|
| United States of America    | ... | ... | 241 |
| Australia                   | ... | ... | 34  |
| Japan                       | ... | ... | 41  |
| Canada                      | ... | ... | 33  |
| Federal Republic of Germany | ... | ... | 39  |
| United Kingdom              | ... | ... | 32  |
| New Zealand                 | ... | ... | 7   |

JUMLAH 427

Mereka berkhidmat di sini di atas permintaan Kerajaan Malaysia. Tugas-tugas yang dijalankan adalah selaras dengan kehendak negara kita terhadap guna-tenaga terlatih dan iktisas. Memandangkan betapa besarnya rancangan-rancangan pembangunan yang dirancang untuk RM 3 akan terdapat keperluan yang berterusan untuk perkhidmatan sukarelawan yang terlatih ini. Walau bagaimanapun, saya suka memberi

jaminan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu perkhidmatan sukarelawan asing ini sentiasa diulangkaji. Rancangan-rancangan sukarelawan akan diperkurangkan dengan bertambahnya pakar-pakar tempatan.

#### MEMBASMI PENJUALAN DADAH DALAM ASEAN

**21. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada negara-negara ASEAN telah bekerjasama dengan Malaysia dalam membasmikan pengedaran dan penjualan dadah di rantau ini.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa kerjasama antara negara-negara ASEAN dengan Malaysia telah dan sedang dijalankan. Kerjasama yang diberi kepada Malaysia di bidang mencegah penyeludupan dadah adalah kebanyakannya di dalam bentuk dua hala. Kerjasama di bidang penguatkuasaan pula adalah di dalam bentuk beberapa aspek dan berkaitan pula dengan hal-hal dasar yang melibatkan rantau ini pada keseluruhannya.

Mesyuarat-mesyuarat serantau kerap kali diadakan dan dihadiri oleh ketua-ketua ejensi penguatkuasaan. Mesyuarat-mesyuarat tersebut dianjurkan oleh Polis Antarabangsa atau Interpol atau Biro Rancangan Colombo dan perkara-perkara yang dibincangkan adalah berhubung dengan dasar yang berkaitan dengan penyeludupan dadah.

Perbincangan dan pertukaran maklumat memang terus-menerus dijalankan dengan sesebuah negara ASEAN yang mempunyai masalah-masalah yang sama dengan Malaysia berhubung dengan dadah. Malaysia juga sering menerima lawatan-lawatan dari pihak-pihak berkuasa penguatkuasaan dari negara-negara ASEAN yang lain.

#### PENUNTUT-PENUNTUT DI KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

**22. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- bilangan penuntut mengikut kaum di Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR);
- bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada penuntut bumiputra oleh pihak Kolej/KTAR; dan

- (c) adakah sukatan pelajarannya sama dengan apa yang ditentukan oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penuntut di Kolej Tunku Abdul Rahman (pada 30hb Jun, 1976) ialah seramai 4,542 orang dan perinciannya mengikut pecahan kaum ialah seramai 52 orang dari kaum bumiputra, 234 orang dari kaum India, 4,250 orang dari kaum China dan 6 orang lain-lain bangsa.
- (b) Tiada apa-apa biasiswa yang ditawarkan kepada penuntut bumiputra yang menuntut di Kolej itu.
- (c) Perjalanan Kolej Tunku Abdul Rahman adalah berdasarkan kepada Suratcara Kerajaan yang dibuat mengikut Akta Pelajaran, 1961 dan diluluskan oleh Menteri Pelajaran.

#### PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

**23. Wan Zainab binti M. A. Bakar** di bawah S.O. 24 (2) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula kadar pelepasan cukai pendapatan sekarang supaya dapat ditinggikan lagi kadar kelepasan cukai bagi isteri dan anak; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan memberi pelepasan cukai pendapatan khas untuk perbelanjaan tanggungan keluarga dan pelajaran.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka menyatakan bahawa soalan pelepasan persendirian daripada cukai pendapatan telahpun diterangkan dalam Dewan ini pada 15hb April, 1976. Tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambah atas perkara itu buat sementara ini.
- (b) Pelepasan atas pelajaran untuk anak memang diberi mengikut taksiran cukai pendapatan yang ada sekarang. Pelepasan adalah diberi untuk anak tidak kira umur, yang belum berkahwin, yang sedang mendapati pelajaran penuh dalam universiti,

Kolej atau sekolah ataupun sedang mengikut latihan kemahiran untuk mendapat kelayakan dalam sesuatu profession. Selanjutnya seorang anak lebih daripada 16 tahun yang mendapati pelajaran penuh di luar Malaysia dan Singapura layak diberi pelepasan anak maksima sekali ganda kadar biasa. Walau bagaimanapun, saya akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam kerana pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji struktur cukai pada keseluruhannya.

#### KESELAMATAN NEGARA

**24. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah kesannya terhadap keselamatan negara kita akibat daripada penarikan Pasukan Polis Hutan kita daripada Betong, Thailand baru-baru ini; dan
- (b) apakah cara-cara yang dijalankan oleh pihak Polis di dalam meronda kawasan-kawasan pantai Malaysia yang berhampiran dengan negara lain supaya kegiatan penyeludupan terutama sekali senjata api dan dadah benar-benar dapat disekat.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kita sedang membuat taksiran yang sangat teliti dan dengan sewajarnya apakah keadaan dan kesannya sesudah Pasukan Polis Hutan kita balik ke pengkalan. Dan taksiran ini sentiasa akan dibuat untuk menyesuaikan pertahanan kita, pertahanan yang kita anggap kukuh. Saya minta izin tidak mengeluarkan butir-butir yang lain lagi.

#### EKSPOT KAYU BALAK

**25. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa tan kayu balak yang belum diproses yang telah diekspot dalam tahun-tahun 1974 dan 1975;
- (b) negara-negara yang mengimpotnya; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang menghentikan pengeksportan kayu balak yang belum diproses dengan tujuan

menggalakkan penubuhan kilang-kilang untuk memproses kayu balak dalam negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia telah mengeksportkan sebanyak 9,572,185 m<sup>3</sup> (Meter padu) kayu balak dalam tahun 1974 dan sebanyak 8,489,799 m<sup>3</sup> dalam tahun 1975.

Pecahan eksport mengikut jumlah-jumlah yang diekspot daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

|              | 1974                     | 1975                     |
|--------------|--------------------------|--------------------------|
| Semenanjung  |                          |                          |
| Malaysia ... | 603,747 m <sup>3</sup>   | 440,483 m <sup>3</sup>   |
| Sabah ...    | 7,645,222 m <sup>3</sup> | 7,062,343 m <sup>3</sup> |
| Sarawak ...  | 1,323,216 m <sup>3</sup> | 986,673 m <sup>3</sup>   |

- (b) Kayu-kayu balak Malaysia adalah diekspotkan ke beberapa negeri seberang laut, kebanyakannya negara-negara di Asia Timur.

Kayu-kayu balak Semenanjung Malaysia adalah diekspotkan ke negeri-negeri berikut:

- (1) Singapura
- (2) Jepun

Kayu-kayu balak Sabah adalah diekspotkan ke negeri-negeri berikut:

- (1) Jepun
- (2) Korea Selatan
- (3) Taiwan
- (4) Hong Kong
- (5) Singapura
- (6) Australia
- (7) Greece
- (8) Prancis
- (9) Republik Rakyat China
- (10) Iran
- (11) Spain

Kayu-kayu balak Sarawak adalah diekspotkan ke negeri-negeri berikut:

- (1) Jepun
- (2) Taiwan
- (3) Hong Kong
- (4) Singapura

- (5) Korea Selatan

- (6) Australia

- (7) Republik Rakyat China.

- (c) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan hasil-hasil perhutanan diproseskan dalam negeri supaya dapat membanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat dan juga bagi menambahkan lagi pendapatan eksport negara dari hasil kayu-kayan.

Bagi Semenanjung Malaysia di mana terdapat sektor pengilangan kayu-kayan yang besar (terdiri daripada 525 buah kilang-kilang papan dan 35 buah kilang papanlapis) pengeksportan kayu balak tidaklah digalakkan. Oleh yang demikian, Kerajaan telahpun mengharamkan pengeksportan semua jenis balak dari Semenanjung Malaysia supaya dapat menjamin bekalan balak yang cukup untuk menemui keperluan perusahaan-perusahaan tempatan. Perlonggaran adalah diberi untuk mengeksportkan kayu balak ke Singapura sahaja melainkan kepada 11 jenis yang popular yang diperlukan di dalam negeri kita.

Sabah mempunyai kedudukan yang berlainan kerana bilangan kilang-kilang papan, kilang-kilang papanlapis dan perusahaan-perusahaan lain tidaklah begitu besar untuk membolehkan pengeluaran balaknya diproseskan dalam negeri dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, kebanyakan balak di Sabah dibenar diekspotkan keluar negeri. Begitu juga kedudukannya di Sarawak di mana sebahagian besar daripada pengeluaran balak tahunan masih lagi diekspotkan keluar negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak telahpun baru-baru ini mengharam pengeksportan balak jenis ramin oleh kerana pengeluaran jenis tersebut telahpun beransur kurang manakala negeri tersebut mempunyai beberapa kilang-kilang papan dan moulding yang mempunyai keupayaan untuk menggunakan sepenuhnya balak-balak ramin yang dikeluarkan.

Kementerian saya sedang membuat pengkajian untuk mengubal satu dasar baru mengimbangkan keperluan dalam negeri dengan pengeluaran supaya

pengharaman dikenakan kepada jenis-jenis kayu yang benar-benar dikehendaki dan kelonggaran diberikan kepada jenis-jenis yang tidak dikehendaki tetapi ada pasaran di luar negeri.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan eksport kayu balak ke Singapura diberi kelonggaran. Jadi, saya ingin tahu apa sebab kelonggaran itu dibuat.

**Tuan Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi melainkan kepada 11 jenis kayu balak, jenis lain dibenarkan eksport ke Singapura. Dan apakah sebab jenis yang lain daripada 11 jenis itu boleh dieksport ke Singapura, sebab yang pertama ialah jenis tersebut tidak dikehendaki oleh kilang papan di negara kita ini dan juga itu adalah satu bahan yang boleh digunakan di negara Singapura.

### MAKTAB PERGURUAN UGAMA ISLAM

**26. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Maktab Perguruan Ugama Islam bagi menyediakan dan melatih guru-guru Ugama di Sekolah-sekolah Kerajaan.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju menubuhkan Maktab Perguruan Ugama Islam untuk memberi latihan perguruan dengan secara yang lebih berkesan kepada guru-guru ugama di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan dan bercadang memulakan maktab itu pada awal tahun 1977.

### BAS SYARIKAT NETS, KELANTAN

**27. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah keuntungan yang boleh dikecapi oleh rakyat Kelantan selama ini daripada kedudukan Bas Syarikat NETS Kelantan yang serba kekurangan dan menyedihkan itu. Adakah apa-apa rancangan untuk memecah monopoli syarikat tersebut kepada syarikat-syarikat lain yang juga akan dimodali oleh bumiputra.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, maksud Ahli Yang Berhormat tentang soal keuntungan yang boleh dikecapi oleh rakyat negeri Kelantan berhubung dengan Syarikat Bas NETS Kelantan ini adalah kurang jelas. Sekiranya maksud soalan ini adalah berhubung dengan masalaah memecah monopoli syarikat tersebut supaya membolehkan rakyat dapat bersama membeli saham syarikat tersebut, saya difahamkan syarikat tersebut memang menjual sahamnya di Pasaran Saham Bumiputra. Kalau pula masalaah ini berhubung dengan cara pengendalian perjalanan bas ini; Kementerian saya tidaklah bercadang hendak campurtangan dalam hal ini, kerana pengendalian syarikat-syarikat bas adalah di bawah tanggungjawab pentadbirannya sendiri.

Namun demikian, sekiranya kekurangan yang dikatakan itu mengakibatkan bercanggah dengan syarat pengeluaran lesen yang dibenarkan kepada syarikat tersebut, diharap Ahli Yang Berhormat dapat menyatakan kekurangan itu dengan secara khusus supaya perkara ini dapat disiasat.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menjadi hasrat Kerajaan ataupun MARA untuk menyerahkan perniagaan NETS yang mana 90% dipunyai oleh MARA dan 10% dipunyai oleh peniaga-peniaga bumiputra kepada syarikat-syarikat bumiputra ataupun perseorangan bumiputra. Tetapi walaupun MARA telah menjual saham-sahamnya hingga masa ini sambutan tidaklah begitu menggalakkan.

### PELAJARAN UGAMA ISLAM/SIVIK

**28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan iaitu bagi mengatasi keruntuhan akhlak, sejauh manakah penekanan telah dibuat mengenai Ugama Islam dan Sivik kepada pelajar-pelajar dan belia-belia.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, matapelajaran sivik telah dijadikan sebagai satu matapelajaran wajib di sekolah-sekolah bagi murid-murid Darjah 3 hingga ke Tingkatan 5 sejak beberapa tahun yang lalu. Untuk memperbaiki mutu pelajaran tersebut, kandungan matapelajaran

sivik bagi sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah rendah telahpun dikaji semula.

Kerajaan juga telah mewajibkan semua sekolah-sekolah bantuan Kerajaan mengadakan pelajaran Agama Islam kepada murid-murid yang beragama Islam selama 120 minit seminggu, jika terdapat di sekolah-sekolah itu bilangan mereka 15 orang ataupun lebih. Guru-guru agama yang mempunyai kelulusan yang diiktirafkan telah dilantik untuk mengajar pelajaran agama. Untuk memperbaiki dan meninggikan mutu pengajaran itu guru-guru agama yang tidak mempunyai latihan perguruan telah diberi latihan perguruan. Kelulusan matapelajaran agama dalam peperiksaan S.R.P. dan S.P.M. diberi nilai kelulusan untuk mendapat pangkat dalam sijil tersebut seperti matapelajaran yang lain juga.

Selain daripada itu, kegiatan-kegiatan agama di luar bilik darjah diadakan dan digalakkan di kalangan murid-murid sekolah menerusi persatuan agama Islam yang ditubuhkan di semua sekolah. Penekanan yang lebih dapat dijalankan kepada murid-murid beragama Islam di sekolah-sekolah berasrama penuh kerana murid-murid itu sepanjang hari adalah di bawah kawalan sekolah. Pelajaran agama Islam juga diadakan di maktab-maktab perguruan kepada pelajar-pelajar maktab itu yang beragama Islam untuk menjadikan bimbingan kepada mereka apabila mereka menjadi guru kelak.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa langkah-langkah mengatasi keruntuhan akhlak ini tidaklah boleh dibebankan semata-mata kepada pihak Kerajaan sahaja malah ini adalah tanggungjawab bersama ibu-bapa dan masyarakat amnya. Sekiranya ibu-bapa dan masyarakat sama-sama mengambil langkah menekankan kepentingan akhlak dalam kehidupan anak-anak mereka masalah keruntuhan akhlak mungkin dapat diatasi dengan lebih berkesan.

Harus diingat di sini iaitu pelajaran agama bukan sahaja untuk memenuhi murid dengan ilmu tetapi untuk membentuk peribadi. Pengetahuan agama sahaja tidak membentuk peribadi dan kepercayaan kepada agama. Sebab itu, orang Yahudi dan orang Kristian yang mempelajari agama Islam dengan mendalam tidak berkeperibadian Islam.

Pelajaran agama yang berkesan ialah pelajaran yang boleh menyakinkan dan mengukuh aqidah. Ini lebih bergantung kepada cara penyampaian daripada isi kandungan pelajaran. Menentukan cara penyampaian yang berkesan bergantung kepada faktor peribadi yang terlalu rumit untuk menjamin kesan yang sama untuk murid yang berlainan oleh guru yang juga berlainan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa layanan terhadap pelajaran Agama Islam di setengah-setengah Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, maksud saya, adalah tidak memuaskan. Contohnya, ada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris apabila hendak diadakan pelajaran Agama Islam di tempat di bawah tangga atau di store. Ini menunjukkan bahawa layanan itu tidak sewajarnya. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan ambil dalam perkara ini?

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, layanan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bukanlah menjadi polisi Kerajaan. Jika perkara ini berlaku, adalah lebih baik kalau saya diberitahu dengan tepatnya supaya langkah-langkah yang sewajarnya boleh diambil.

## JUALAN "CHIPS" DI GENTING HIGHLANDS CASINO

**29. Raja Nasron bin Raja Ishak** meminta Menteri Kewangan menyatakan cara-cara cukai dikutip dan jumlah yang diperolehi dari jualan "chips" oleh Perbendaharaan daripada Genting Highlands Casino semenjak Casino itu dibuka dan samada beliau sedar perbuatan-perbuatan yang merugikan Kerajaan kerana jualan "chips" perjudian yang dilalukan tanpa kawalan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya Yang Berhormat boleh sudi menerangkan apa jenis makhloknya perkataan "Chips" ini, kerana banyak orang tidak faham.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Cukai perjudian di Casino Genting Higlands yang dikenakan ke atas jualan "chips" ialah sebanyak 5% yang dibayar oleh pemain-pemain sewaktu membeli "chips" itu dari anggota Casino Genting Higlands. Wang bagi pembelian "chips" bersama bayaran cukai dimasukkan terus oleh pemain-pemain di dalam peti-peti bermeteri yang diawasi sepanjang masa oleh pegawai Perbendaharaan. Pengiraan kutipan-kutipan ini juga disaksikan sepenuhnya oleh wakil Perbendaharaan dan rekod-rekod kutipan disampaikan kepada Perbendaharaan. Kutipan-kutipan dari jualan "chips" itu diadakan di hadapan wakil Perbendaharaan juga.

Jumlah kutipan cukai yang diperolehi dari jualan "chips" semenjak ia dikuatkuasakan mulai 1hb Februari, 1975 hingga akhir Jun, 1976 adalah sebanyak \$4,247,665.72.

Penjualan "chips" secara haram pernah berlaku di suatu masa dahulu iaitu pemegang "chips" tidak menyerahkan "chips" kepada yang berkuasa di Casino bagi menuntut wang kemenangan, tetapi sebaliknya akan menjualkannya secara sulit kepada pemain-pemain lain dengan harga sekadar mendapat sedikit keuntungan. Tindakan ini menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil kerana pembeli haram tidak membayarkan cukai perjudian. Langkah-langkah yang sesuai telahpun diambil sekarang ini bagi menghalang penjualan "chips" secara haram ini seperti menambah lawatan di kawasan Hotel Genting Highlands dan pemain yang membuat kesalahan dikenakan amaran atau denda termasuk dihalang bermain bagi beberapa waktu.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa kutipan jualan "chips" ini dikawal setiap masa oleh . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah dia "chips" itu. Saya rasa belum lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, "chips" itu adalah satu benda macam coin tetapi dibuat daripada plastic ataupun clay yang dibeli oleh pemain-pemain sebelum dia mulai berjudi di Casino itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dibeli dengan duit dia dapat plastic? (*Ketawa*).

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Dengan wang tunai—dengan duit pemain itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan tambahan yang akhir kerana masa sudah cukup.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa jualan "chips" itu dikawal setiap masa oleh beberapa orang wakil daripada Perbendaharaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa orang wakil Perbendaharaan itu dan samada mereka boleh mengawal setiap masa penyelewengan yang saya maksudkan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hendak menyasiat hal ini, saya sendiri telahpun membuat lawatan semalam (*Ketawa*) di Genting Highlands dan didapati ada dua orang wakil Perbendaharaan kita yang sentiasa ditetapkan di Casino. Dan saya pun telah diberitahu bahawa perkara itu sentiasalah dapat dikawal sebab mereka ada kuasa membuat cek terkejut (*surprise check at anytime*) dan setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat terkawal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 30 hingga 32 adalah diberi di bawah ini*).

### KEBAKARAN KOMPLEK BELI-BELAH CAMPBELL

**30. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah lapuran yang disusun oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam hal kebakaran Komplek Beli-belah Campbell dan bilakah lapuran-lapuran tersebut akan diumumkan;
- (b) samada beliau sedar panel penyiasatan 12 orang yang dibentuk oleh Kementeriannya adalah tidak berkesan

di dalam usaha menyiasat ke dalam kebakaran Campbell dan samada beliau akan mengarah supaya sebuah Suruhanjaya Di Raja Penyiasatan ditubuhkan bagi menggantikannya bagi memuaskan orang ramai, jika tidak, mengapa;

- (c) samada Kerajaan bersetuju dengan tuduhan-tuduhan orang ramai yang mengatakan salah satu sebab mengapa Komplek Campbell dibiarkan terbakar ialah kerana kekurangan pemasangan alat-alat keselamatan api di dalam bangunan tersebut dan jika ya, nyatakan mengapa pihak Kerajaan tempatan membenarkan bangunan tersebut untuk diduduki; dan
- (d) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya peristiwa seperti kebakaran Campbell tidak akan berulang di semua bangunan-bangunan yang mencakar langit di seluruh negara.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):**

- (a) Sejumlah sepuluh (10) laporan-laporan telah disusun sehingga sekarang oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam hal kebakaran Komplek Beli-belah Campbell. Laporan-laporan tersebut akan dikaji secara mendalam dan laporan terakhir akan dapat disiapkan tidak lama lagi untuk dikemukakan kepada Jumaah Menteri dan terpulanglah kepada Jumaah Menteri samada laporan tersebut akan diumumkan atau tidak.
- (b) Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran yang ditubuh di bawah Kementerian saya, telah dan sedang menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan dan memuaskan. Jawatankuasa tersebut adalah didapati cukup memadai untuk menjalankan penyiasatan atas kebakaran Komplek Campbell dengan berkesan. Ianya telah menerima sambutan yang baik dan juga kerjasama yang penuh daripada pihak-pihak yang berkenaan dalam menjalankan penyiasatannya. Dengan itu, adalah didapati tidak perlu untuk menggantikannya dengan sebuah Suruhanjaya Di Raja Penyiasatan.

(c) Sebab-sebab mengapa kebakaran Komplek Campbell berlaku dan kedudukan pemasangan alat-alat keselamatan api pada masa itu sedang disiasat oleh Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran. Keterangan-keterangan mengenai sebab-sebab berlakunya kebakaran serta pihak-pihak yang terlibat akan dikemukakan dalam laporan terakhir Jawatankuasa ini dalam sedikit masa lagi.

- (d) Kementerian saya sedang dalam proses menyediakan Akta Pencegahan Kebakaran, yang mana akan menentukan peraturan-peraturan tertentu bagi mencegah dan mengawal kebakaran-kebakaran jika ianya berlaku. Di samping itu Undang-undang Kecil Bangunan, di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sedang disediakan. Undang-undang Kecil itu akan memastikan bahawa peraturan-peraturan tertentu termasuk keperluan pencegahan kebakaran akan dipatuhi dalam kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan di seluruh negara apabila undang-undang kecil bangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, dapat dikuatkuasakan nanti.

Sementara itu, Undang-undang Kecil Perbandaran Kuala Lumpur (Bangunan) (Pindaan) 1975 yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang kemaskini bagi pencegahan kebakaran telah dikuatkuasakan bagi Wilayah Persekutuan. Undang-undang Kecil itu akan juga memastikan iaitu bangunan-bangunan yang sedia ada akan mengadakan keperluan-keperluan kebakaran yang minima demi keselamatan nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran.

**PROJEK PAHANG TENGGARA**

**31. Datuk Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak** minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam perlaksanaan Projek Pahang Tenggara setakat ini dan samada matlamat-matlamat yang terkandung dalam Pelan Induk projek tersebut boleh dicapai dalam masa yang telah ditentukan.

**Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Untuk memberi jawapan yang sepenuhnya

kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pekan ini memerlukan satu masa yang panjang kerana perlaksanaan projek ini telah bermula sejak tahun 1972 lagi dan untuk menyatakan kemajuan-kemajuan yang telah tercapai sejak tarikh itu satu persatu tentulah akan memakan masa yang panjang. Walau bagaimanapun, saya akan cuba meringkaskan beberapa aspek perlaksanaan projek ini semoga dengan ini dapat memberi gambaran sejauh mana perlaksanaan yang telah tercapai dalam bidang-bidang tertentu:

#### PEMBANGUNAN TANAH

Pelan Induk Pahang Tenggara telah mengesyorkan supaya 250,000 ekar tanah pertanian dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan 271,000 ekar dimajukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi beberapa jenis pertanian.

Dalam bidang ini sukacita saya menyatakan bahawa keluasan tanah yang telah diberi milik oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga sehingga ini telahpun meningkat kepada 482,000 ekar yang boleh dibahagikan kepada jenis-jenis pertanian berikut:

|                  |     |     |         |      |
|------------------|-----|-----|---------|------|
| Kelapa Sawit     | ... | ... | 428,000 | ekar |
| Getah            | ... | ... | 34,000  | ekar |
| Tanaman Pelbagai | ... | ... | 20,000  | ekar |
|                  |     |     | <hr/>   |      |
|                  |     |     | 482,000 | ekar |

Dari jumlah yang dapat diberi milik ini, luas kawasan yang telah ditanam sehingga bulan Mac tahun ini ialah seperti berikut:

|                  |     |     |         |      |
|------------------|-----|-----|---------|------|
| Kelapa Sawit     | ... | ... | 167,000 | ekar |
| Getah            | ... | ... | 5,000   | ekar |
| Tanaman Pelbagai | ... | ... | 4,000   | ekar |
|                  |     |     | <hr/>   |      |
|                  |     |     | 176,000 |      |

Satu kawasan tanah seluas 2,500 ekar telah juga diluluskan kepada MARDI untuk tujuan-tujuan penyelidikan dan sehingga ini MARDI telahpun memajukan sebanyak 1,000 ekar.

#### KOMPLEKS PERKAYUAN

Usaha ke arah menentukan kawasan perhutanan kekal itu telahpun dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan lesen-lesen membalak (Tree Farm Licence) telahpun diberi-

kan kepada syarikat-syarikat berkenaan. Kompleks perkayuan yang pertama di Bukit Ibam bagi menjalankan TFL Ibam telahpun ditubuhkan dan satu lagi kompleks bagi TFL Lesong sedang dalam proses rancangan untuk menyediakan kilang di peringkat pertama di Kuala Rompin. Dalam lain-lain perkataan, tindakan ke arah penubuhan dua kompleks ini telahpun dimulakan.

#### PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Pembinaan jalan-jalanraya adalah diselenggarakan oleh J.K.R. Pembinaan lebuh-raya Segamat-Kuantan dari base kem di Bukit Ibam telah siap "formation"-nya sebanyak 13 batu, earthwork sebanyak 27 batu dan pembersihan hutan sejauh 30 batu. Kerja meninggikan mutu jalan dari Bukit Ibam ke Rompin telahpun bermula. Jalan yang akan menghubungkan kawasan ini ke Ibu Negara melalui Bahau dan juga jalan-jalan tambahan ke Bandar 3 dan 14 juga telah disiapkan designnya dan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia sebanyak \$23 juta untuknya juga telah diperolehi. Tender-tender telahpun dibuka pada pertengahan bulan April lepas.

Bekalan air juga diselenggarakan oleh J.K.R. Pada masa ini satu projek bekalan air bagi membekal bandar 10, 5, 8 dan 12 akan memakan belanja hampir \$6 juta telah juga diperolehi pinjamannya dari Bank Pembangunan Asia dan tawaran untuk menjalankan kerja ini telahpun dipanggil.

#### PEMBANGUNAN BANDAR-BANDAR

Sebanyak 36 buah bandar baru telah dicadangkan dalam Pelan Induk bagi dijadikan pusat-pusat kediaman bagi penduduk-penduduk kawasan ini.

Tindakan kearah pembangunan bandar-bandar baru telahpun dimulakan sebaik sahaja Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara mempunyai kemampuan untuk menjalankan projek-projek itu dan sehingga ini 15 buah bandar adalah di dalam berbagai peringkat persiapan iaitu termasuk peringkat perancangan dan kerja-kerja menolak tanah untuk menyediakan tapak. Bagi Bandar 10 (Bukit Ridan) iaitu bandar yang akan menjadi bandar pusat bagi Kawasan ini, kerja-kerja menyiapkan tapak telahpun dimulakan sejak tahun 1974 dan sebanyak 150 buah rumah sementara telah didirikan dan 96 buah rumah kekal akan dipanggil tender tidak berapa lama lagi.

Bandar Bukit Ibam (Bandar 5) yang telah diambil alih daripada syarikat bijih besi Rompin oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara telahpun dapat memainkan peranan sebagai bandar "kawasan depan" kawasan ini dan telahpun menempatkan kira-kira 2,700 orang penduduk dengan kemudahan-kemudahan bekalan letrik, bekalan air hospital dan sekolah rendah.

#### PERLOMBONGAN

Dengan persetujuan Kerajaan Negeri, DARA telah membahagikan semua kawasan yang dianggap ada kemungkinan untuk bijih timah, seluas 240,000 ekar, kepada belok-belok tertentu dan menjemput permohonan mencarigali daripada orang ramai. Mereka yang berjaya sedang menjalankan usaha mencarigali pada masa ini.

Perundingan juga sedang dijalankan oleh DARA dengan sebuah Syarikat untuk mencarigali di atas satu kawasan seluas 194,000 ekar yang dianggap mempunyai kemungkinan untuk base-metal. Segala masalah yang dihadapi untuk melaksanakan projek ini hampir selesai dan diharapkan usaha mencarigali dapat dijalankan pada tahun ini juga.

#### PENCAPAIAN MATLAMAT YANG DITENTUKAN

Oleh yang demikian, masa yang ditentukan itu haruslah tidak dikatakan sebagai satu masa yang cukup tepat tetapi sebaliknya haruslah lebih merupakan sebagai satu jangkamasa bagi tujuan menentukan matlamat. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan ekonomi negara dan dunia stable, maka bolehlah dikatakan tertakluk kepada dua perkara yang di atas tadi, matlamat yang terkandung dalam Pelan Induk tersebut akan dapat dicapai tertakluk juga kepada satu penilaian semula yang disyorkan oleh Pelan Induk itu dibuat dalam tahun 1980.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan ini iaitu samada matlamat yang terkandung dalam Pelan Induk tersebut boleh dicapai dalam masa yang telah ditentukan, satu jawapan yang tegas sukar hendak diberi kerana beberapa faktor seperti di bawah ini:

- (1) Jangkamasa pencapaian matlamat di dalam Pelan Induk Pahang Tenggara itu adalah dimulakira dari tahun 1970 pada hal Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara hanya wujud mulai tahun 1972.

- (2) Tidak siapa yang akan dapat menentukan keadaan ekonomi dunia akan sama keadaannya dalam jangkamasa yang sangat panjang itu sehingga 1970-1990. Seperti yang diketahui, keadaan ekonomi dunia telah merosot dan juga mengakibatkan beberapa rancangan Kerajaan sendiri terpaksa ditangguhkan.

#### KESELAMATAN SEMPADAN

**32. Datuk Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi penjelasan atas persetujuan yang baru dibuat di antara Malaysia dan negara Thai berkenaan dengan kerjasama kedua-dua buah negara untuk mengatasi masalah keselamatan sempadan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Kerajaan kita sedang meneliti cadangan-cadangan dari pihak Thai yang minta diwujudkan satu perjanjian yang baru antara kedua negara. Perkara ini belum lagi selesai.

#### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (STOK PENIMBAL TIMAH ANTARABANGSA)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membenarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus lima puluh juta ringgit dipinjam untuk membiayai pembayaran bahagian Persekutuan dalam Stok Penimbal yang akan ditubuhkan di bawah Perkara 20 Perjanjian Timah Antarabangsa, 1976 dan bagi maksud-maksud bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pampasan Pekerja, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974 DAN 1976)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1974 dan 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, satu sebagai Tambahan Keempat, 1974 dan yang satu lagi sebagai Tambahan Pertama, 1976. Mula-mula, saya bercadang hendak mengemukakan Tambahan Keempat bagi tahun 1974 dan diikuti oleh Tambahan Pertama bagi tahun 1976.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$24,189,212 bagi tahun 1974, dan jumlah ini ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu dengan pecahannya ditunjukkan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1974, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 tahun 1976. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat perhatikan bahawa dari jumlah peruntukan sebanyak \$30,040,112 yang dimasukkan dalam Tambahan ini, sebanyak \$5,850,900 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan tanggungan yang mana tidak dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Dari jumlah ini, sebanyak \$50,057,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran perubahan kadar-kadar pencen dan elaun bantuan khas pesara-pesara dan juga berikutan dengan bertambahnya bilangan pesara-pesara dalam tahun 1974. Yang lainnya merupakan jumlah-jumlah kecil untuk membiayai berbagai bayaran berkanun dalam tahun 1974 yang ada diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan.

Dari jumlah \$24,189,212 yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang ini sebanyak \$15,594,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran tunggakan dan gaji guru-guru besar dan penolong-penolong kanan sekolah-sekolah rendah di Semenanjung Malaysia berikutan dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 7 tahun 1974; \$1,225,700 untuk menambah belanja mengurus Kementerian Luar Negeri; \$5,612,800 untuk membiayai pembayaran kenaikan kadar elaun belanja hidup kepada pesara-pesara yang telah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1973 dan pembayaran Elaun Bantuan Khas kepada pesara-pesara yang menerima pencen bulanan sebanyak \$500 atau kurang yang berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1973 dan \$1,055,800 untuk menambah peruntukan Gaji Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Yang lainnya merupakan jumlah-jumlah kecil bagi pelbagai perkhidmatan yang diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1976.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1976 yang meminta kebenaran untuk peruntukan tambahan sebanyak \$219,398,660. Dari jumlah ini, sebanyak \$16,197,714 merupakan perbelanjaan tanggungan.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$7.2 juta adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai projek pembangunan kecil; \$3.5 juta untuk membiayai projek-projek penyelidikan yang akan dijalankan oleh Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, Malaysia (MARDI) dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980); \$2,114,000 untuk menjelaskan tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Singapura berhubung dengan sewa tanah dan bangunan-bangunan yang telah diduduki oleh Angkatan Tentera Malaysia bagi tempoh 9-8-1965 hingga 31-5-1972; \$16,143,433 merupakan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai pembayaran tunggakan gaji kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan dalam tahun 1974 dan 1975 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Harun; \$10 juta sebagai sumbangan kepada perbelanjaan

yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah dari tahun 1966 hingga 1972 di atas perkara-perkara di bawah Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama; \$75 juta bagi membiayai pengambilan semua saham Syarikat Tenaga Letrik Haidro Sungai Perak Berhad yang belum dimiliki secara beneficial oleh Kerajaan berikutan dengan pengeluaran notis untuk menamatkan "Concession Agreement" tahun 1926; \$10 juta sebagai kumpulanwang pusingan untuk membolehkan pinjaman diberi kepada semua pekerja yang berpendapatan rendah di ladang-ladang dan perusahaan-perusahaan di luar bandar bagi tujuan mendirikan rumah-rumah mereka; \$9,202,365 untuk menambah belanja mengurus MARA untuk membiayai pembayaran tunggakan gaji berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun, pembayaran bonus kakitangan dan untuk menampung kenaikan kadar pemberian biasiswa kepada penuntut-penuntut di luar negeri; \$33,289,600 dikehendaki oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai subsidi ke atas bayaran beras yang diimpot bagi tempoh 1hb Januari, 1973 hingga 30hb Oktober, 1975; \$4,172,931 untuk membiayai tuntutan-tuntutan yang belum dibayar bagi tahun 1971 dan 1972 bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan penyelenggaraan alat-alat talikom Polis Di Raja Malaysia dan \$13.5 juta untuk mengadakan pembayaran pemulihan sebanyak 30 sen bagi tiap-tiap satu gelen minyak tanah yang dijual oleh syarikat-syarikat minyak bagi membolehkan minyak tanah dijual dengan harga 82 sen satu gelen. Oleh kerana harga ini akan melibatkan kerugian kepada syarikat-syarikat minyak atas penjualan minyak tanah, Kerajaan telah memutuskan supaya syarikat-syarikat minyak dibenarkan mendapat pembayaran pemulihan sebanyak 30 sen tiap-tiap satu gelen minyak tanah yang dijual dan pembayaran pemulihan ini diperolehi dengan mengenakan duti tambahan sebanyak 11 sen bagi tiap-tiap satu gelen minyak petrol premium dan minyak petrol regular. Keterangan lanjut mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1974

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$29,707,655 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan Pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1976, diumumkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat, 1974 menunjukkan tambahan sebanyak \$29,707,655 yang dikehendaki selain daripada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1964, Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga, 1974. Dalam Tambahan ini, terdapat 5 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Tujuannya ialah untuk meminda jumlah anggaran harga projek-projek manakala peruntukan tambahan yang diperlukan boleh diperolehi dari wang simpanan dalam kepala itu.

Dalam Tambahan ini, peruntukan sebanyak \$29,707,655 adalah dikehendaki seperti berikut:

- (a) Kepala P. 16—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian—sebanyak \$1,577,443 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad bagi tujuan membiayai barang-barang dan perkhidmatan yang dikehendaki bagi melaksanakan projek Pembinaan Limbungan Kapal di Johor Bharu;
- (b) Kepala P. 20—Kementerian Pelajaran—sebanyak \$2,748,000 dikehendaki untuk membiayai pembayaran

kontrek untuk pembinaan sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia dan juga untuk menampung kenaikan harga yang tinggi bagi bahan-bahan binaan perabot dan kelengkapan pejabat;

(c) Kepala P. 26—Kastam dan Eksais Di Raja—sebanyak \$1,399,100 dikehendaki bagi membeli tanah seluas 843,540 kaki persegi daripada Kerajaan Negeri Johor bagi kompleks Kastam di Johor Bharu;

(d) Kepala P. 30—Polis Di Raja Malaysia—Sebanyak \$23,687,357 dikehendaki yang mana sebanyak \$21,282,104 dari peruntukan itu dikehendaki untuk membiayai pembayaran kontrek bagi pembinaan bangunan-bangunan Polis di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah, \$2,358,019 untuk pembinaan perahu-perahu lanci Polis bagi kegunaan Polis Marin, \$47,184 bagi membeli senjata-senjata api dan peluru-peluru dan baki-nya sebanyak \$50 merupakan 5 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu;

(e) Kepala P. 35—Kementerian Penerangan—sebanyak \$3,600 dikehendaki bagi membayar kerja-kerja perkhidmatan di Wisma Radio, Kuala Lumpur;

(f) Kepala P. 43 Jabatan Kimia—sebanyak \$60,800 dikehendaki bagi membeli alat-alat kelengkapan makmal bagi cawangan makmal baru di Ipoh; dan

(g) Kepala P. 52—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli—sebanyak \$231,355 dikehendaki bagi menambah kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi Orang Asli di kawasan pendalaman dan bagi membiayai pembinaan 15 buah rumah untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Butir-butir lanjut mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di dalam peruntukan Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi membahaskan dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan diuntukkan sehari selebih-lebihnya, iaitu hari ini dan sekiranya ramai Ahli Yang Berhormat akan bercakap, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawabnya pada persidangan hari esok, kalau tidak pada hari ini juga, dan kalau kurang yang mengambil bahagian kita terus kepada Jawatankuasa dan dalam Jawatankuasa akan dibenarkan dua hari berbincang mengenai usul ini.

Sekarang dibuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada yang hendak membahaskannya sekarang, Rang Undang-undang ini saya kemukakan untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$29,707,655 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan, 1974 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Kepala B. 4, B. 8 dan B. 9 (Jadual Kedua)—4.02 ptg.*

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus

Tambahan Pertama Tahun 1976 di bawah Kepala B. 4, B. 8, B. 9 berjumlah \$8,759,690 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Perincian mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1976 itu adalah seperti berikut:

*Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya*

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$493,430 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum Negeri Sabah yang telah diadakan dari 5hb hingga 14hb April, 1976.

*Kepala B. 8—Jabatan Perdana Menteri*

Berikutan dengan penyusunan semula Kabinet pada 5-3-76 lalu, Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi telah dibubarkan dan tugas-tugas Kementerian itu diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Perdana Menteri dan dinamakan sebagai Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am.

Peruntukan sebanyak \$707,514 adalah dikehendaki bagi membiayai belanja mengurus Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am dalam tahun 1976. Jumlah sebanyak \$707,514 yang dikehendaki ini, adalah baki yang belum dibelanjakan selepas diumumkan penyusunan semula Kabinet pada 5hb Mac, 1976 itu. Jumlah yang sama sebanyak \$707,514 yang telah diperuntukkan dahulu di bawah Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi di bawah Kepala B. 13 dibekukan.

Akhirnya Jabatan Perdana Menteri memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$7.2 juta bagi membiayai berbagai projek-projek kecil pembangunan.

*Kepala B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam*

Peruntukan tambahan sebanyak \$34,740 bagi Kepala B. 9 Pecahan-kepala 2100 Perjalanan dan Pengangkutan orang adalah diperlukan bagi tahun ini kerana untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang terpaksa dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana menghantar pegawai-pegawai Bahagian Pencen ke India dan juga ke Sri Langka awal tahun ini.

Lawatan itu bertujuan untuk membayar tunggakan pencen kepada pesara-pesara Malaysia yang menetap di kedua-dua negara tersebut, mendapatkan cap ibu jari serta butir-butir lain untuk menentukan mereka adalah pesara yang sebenarnya dan masih hidup dan butir-butir itu akan digunakan untuk mengemaskini rekod di Bahagian Pencen supaya senang menguruskan pembayaran pencen kepada pesara-pesara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1976 di bawah Kepala B. 4, B. 8 dan B. 9 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.06 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyebut dua tiga perkara di bawah perenggan ini. Saya nampak ada satu peruntukan tambahan untuk membeli dua buah kereta kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya kereta mereka ada "armoured" dan menggunakan bullet-proof resistant glass. Itulah satu gambaran bagaimana seriousness soal keselamatan yang kita hadapi sekarang. Saya sebut perkara ini oleh kerana saya hendak membangkitkan hal di Kepala B. 8, Pecahan-kepala 4100 mengenai satu peruntukan tambahan yang dimohon sebanyak \$7 juta. Mengikut note-note dalam Memorandum Perbendaharaan, peruntukan \$7 juta ini ialah oleh kerana Kerajaan telah mempersetujui peruntukan sebanyak \$7 juta bagi membiayai berbagai-bagai projek kecil pembangunan dan peruntukan yang ada dibuat dalam tahun 1976 tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, yang saya tahu wang-wang yang digunakan untuk membiayai berbagai-bagai projek-projek kecil pembangunan di kawasan-kawasan Parlimen ialah peruntukan-peruntukan kepada setiap Ahli Parlimen supaya boleh menjalankan projek-projek kecil pembangunan di kawasan mereka masing-masing. Tetapi apa yang saya hairan ialah kenapa peruntukan-peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen ini dihadkan atau didiskriminasikan dan baru diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja. Saya dengar Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyatakan ini hanya untuk ahli-ahli dari Barisan Nasional Party, tetapi

dalam Dewan ini saya fikir Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pun memper-setujui bahawa wang-wang peruntukan yang kita akan luluskan ialah berasaskan kepada kepentingan rakyat jelata dan bukan berasaskan kepada kepentingan party dalam Dewan ini, Kerajaan-kerajaan, rakyat jelata atau sebilangan orang sahaja. Adakah Kerajaan kita ini akan kata: Oh! Kita akan luluskan wang-wang ini untuk projek-projek kecil pembangunan untuk kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional. Wang itu dari mana? Bukan dari fund-fund politik UMNO, Barisan Nasional. Jikalau wang itu daripada Tabung-tabung UMNO, Tabung-tabung Barisan Nasional kita tidak soalkan. Apa yang kita dalam Dewan Rakyat ini diminta luluskan ialah wang-wang rakyat daripada cukai-cukai yang dikenakan ke atas bahu rakyat. Itu adalah wang rakyat bukan wang Barisan Nasional. Dengan sebab itu wang yang akan digunakan mestilah untuk kepentingan semua rakyat, tak kira kaum, politik atau apa-apa batasan. Tetapi untuk projek-projek kecil pembangunan sehingga hari ini baharulah terhad kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Itulah satu penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan wang rakyat yang menunjukkan satu conflict of interest, antara parti dan Kerajaan dan gunakan wang rakyat, wang Kerajaan untuk faedah parti. Oleh kerana jikalau bukan itu, kenapa? Bukan beri kepada semua Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Parlimen tak kira parti.

Selalu kita dengar semua rakyat mesti have national interest. Kita pun dengar bahawa pihak Pembangkang pun mesti ada sikap yang bernasional (national concept), tetapi selalu yang nampak orang-orang yang seru semua rakyat jelata bersatupadu atas sikap-sikap atas perasaan nasional berbuat perkara yang begitu sempit, bukan sempit tetapi anti-national. Oleh kerana apa yang berlaku ini ialah bagi satu rakyat, rakyat daripada rakyat, itulah apa erti yang sebenarnya anti-national. Ya, membeli undi, itu berbeza daripada memberi undi, gunakan wang rakyat. Kita bukan tentang, Tuan Pengerusi, penggunaan, memperuntukkan wang-wang rakyat untuk projek kecil pembangunan, itu baik. Tetapi apa yang kita tentang ialah menggunakan perkara ini untuk fahaman politik sempit dan dalam masa sekarang di mana Yang Amat Berhormat mesti mempunyai sebuah kereta "amour-plated bullet proof resistant glass." Masa ini kita mesti ada satu

pandangan yang luas, nasional bukan sempit. Saya masih ingat Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah rakan saya dua tahun yang lalu di akhir tahun 1974 atau awal tahun 1975 menerima sepucuk surat daripada Pegawai Daerah Batu Gajah memintanya siapkan satu senarai projek-projek kecil pembangunan untuk kawasannya. Kita sangat suka hati oleh kerana barangkali masa itu kita nampak Kerajaan Barisan Nasional yang menjalankan tugasnya dengan menggunakan wang rakyat telah ada satu pandangan yang luas.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mengambil masa untuk melawat kawasannya, menengok mana-mana projek kecil pembangunan. Siap satu senarai, berunding dengan penduduk-penduduk kawasannya dan hantarkan kepada Pegawai Daerah, Batu Gajah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Cerita itu sudah ada disebut dahulu dalam *Hansard*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi itu untuk emphasise salahguna kuasa.

**Tuan Pengerusi:** Ialah, tetapi ringkaskan..

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi selepas itu malangnya dia dapat sepucuk surat daripada Pegawai Daerah, katanya sorry, itu untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja. Itu satu contoh, itu bukan kasihan. Kepada kita jangan ada orang-orang yang kata jikalau kita Ahli-ahli Parlimen D.A.P. tak ada peruntukan \$10,000 satu tahun untuk kawasan. Kita tidak akan menang. Tak ada wang itu pun kita boleh menang. Tambah 10 kali untuk Barisan Nasional, Ahli kita pun boleh menang, tetapi apa kita tidak setuju ialah prinsip. Jika boleh disalahgunakan peruntukan \$7 juta ini untuk perkara yang kecil ini kita tidak tahu berjuta-juta ringgit, berbilion boleh disalahgunakan.

Saya sangat terperanjat satu perkara yang principle dan yang sangat mustahak Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mengambil pandangan yang serious. Dia sebenarnya mestilah menjadi seorang yang pertama tampil kehadapan dan mengatakan itu salah, itu salahguna wang. Jikalau ada diskriminasi rakyat dengan rakyat bukan kata kasihan. Itu prinsip. Dalam Dewan ini jikalau tidak ada prinsip tidak berguna berada di Dewan ini. Adakah setuju? Saya harap perkara ini

boleh dibetulkan. Bukan oleh kerana wang, angka ini kecil, prinsip mustahak. Jika perkara ini tidak boleh dibetulkan jangan cakap perkara-perkara mengenai hal besar-besar, projek-projek besar. Langgar Rukunegara. Betul kita boleh berjalan lagi. Tetapi saya rasa setelah cukup teguh perkara ini, jikalau kita masih lagi memandang perkara ini daripada segi sistem politik, kita boleh, tetapi kita akan mendapati bahawa pemimpin-pemimpin parti pemerintah tidak ada quality yang boleh transcend basic things in the issue of principle.

Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara sahaja lagi mengenai peruntukan pencen. Sungguhpun ada berkali-kali bukan sahaja tambahan perbelanjaan untuk seksyen ini dan selalu ada perbelanjaan tambahan untuk seksyen pencen, saya percaya semua Ahli-ahli Parlimen masih terima banyak sungutan-sungutan mengenai kelewatan pembayaran pencen kepada kakitangan yang telah bersara dari beberapa bulan sehingga setengah tahun atau lebih. Saya tahu ada banyak proses yang mesti dijalankan sebelum pencen boleh dibayar, tetapi pihak Kerajaan pun mesti menimbangkan penderitaan khasnya kakitangan yang bergaji rendah (I.M.G., Division IV, Division III). Jikalau selama 6 bulan, 8 bulan tak dapat pencen mereka terpaksa berhutang sana sini dan ada berlaku pun susah hendak dapat hutang, mereka sangat disusahkan oleh kerana defect jentera-jentera Kerajaan. Kenapa Kerajaan ataupun seksyen pencen tidak boleh fikir satu jalan untuk meringankan beban pesara-pesara. Apa kesan, apa impression kepada kakitangan yang telah berkhidmat 30 tahun, 35 tahun dengan Kerajaan, selepas perkhidmatan tamat 6 bulan 8 bulan tidak ada duit untuk kehidupan yang biasa?

Saya kata saya faham seksyen pencen mesti proses dan tengok apa-apa hutang apa sebenarnya yang seseorang pesara yang ada berhak, tetapi barangkali satu cara seksyen pencen boleh fikir dan timbang apabila seorang sudah bersara sebelum seksyen pencen diproseskan, hak-hak dan angka-angka yang tepat beri kepada mereka sementara 75% pencen-pencen yang mereka berhak. Itu satu seksyen (cushion) untuk membolehkan mereka boleh hidup tanpa penderitaan yang tidak perlu berlaku sekiranya Kerajaan bersimpati dengan kesusahan-kesusahan yang dialami oleh kakitangan-kakitangan yang bergaji rendah.

Itulah satu cadangan yang saya harap pihak Kerajaan boleh timbang oleh kerana dengan pelaksanaan cadangan itu tidak akan berlaku kepada pesara-pesara yang baharu-baharu tamat perkhidmatan tidak ada wang langsung untuk sewa rumah, pembelian harian dan lain-lain.

4.22 ptg.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kota Melaka nampaknya marah sedikit tentang perbelanjaan, tentang beberapa perkara yang saya membawa ke Dewan ini untuk diluluskan. Pertamanya, tentang kereta-kereta yang patut dibeli untuk kegunaan bukan sahaja Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bahkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dari segi keselamatan. Sebagai pemimpin-pemimpin negara patut Kerajaan mengambil berat tentang keselamatan mereka dan jikalau Kerajaan cuai tentang keselamatan seorang Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Ahli-ahli Dewan kita akan menuduh Kerajaan juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ya, sabar-sabar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tentang peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Sabar, sabar saya kata, duduk dahulu! (*kepada Tuan Lim Kit Siang*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Bila Pengerusi bercakap—Yang Berhormat hendaklah duduk. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak beri jalan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya ingat dalam Dewan yang mulia ini tidak ada seorang Ahli dalam Dewan ini ataupun rakyat kita yang akan membangkitkan perkara ini, melainkan pihak Pembangkang sahaja. (*Tepuk*). Tidak ada yang menyuarakan tentang . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order di bawah 37 (a) atau (b)?

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order mengenai distortion atau putar-belit apa yang saya kata. Saya tidak tentang peruntukan ini. Itu "cheap" politik sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dengar Yang Berhormat, duduk dahulu! Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka duduk dahulu, kalau hendak duduk di sini. Saya tanya di bawah peraturan mana? Seseorang Ahli boleh menegur Ahli yang lain sekiranya ada "point of order" iaitu hendak membetulkan atau menerangkan apa-apa perkara—itu boleh. Kalau hendak menjelaskan apa keterangannya yang salah, itu kalau Ahli Yang Berhormat yang lain memberi jalan. Sekarang di bawah mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sekarang baharu hendak buka Standing Order—S.O. 36.

**Tuan Pengerusi:** 36 (a) atau (b)?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada (a) di sini ada 1, 2, 3 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Standing Order mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka baca?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sebut 36 (1), 36 (6). "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain". Apa ia kata 'is distorting what I said, he is imputing improper motives'.

**Tuan Pengerusi:** Oh, itu saya yang memutuskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis. Saya hendak habis sebelum keputusan Tuan Pengerusi. Itu "imputing improper motives", oleh kerana saya tidak tentang atau kritikal (criticise). Jikalau tidak ada keterangan jangan "resort to cheap publicity; it is utter distortion—shameful."

**Tuan Pengerusi:** Dengar-dengar Yang Berhormat, jangan lekas naik darah. Seseorang saya kata tadi boleh menegur seseorang lain yang bercakap di bawah Standing Orders 37;

saya kata (a) atau (b), itu yang saya tanya tadi. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka terus baca Standing Order 36; itu lain hendak menegur dahulu. Jadi, tanya pada saya kalau kata "A" hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat, kalau saya benarkan baharu boleh bercakap. Lain kali cuba tengok Standing Orders betul-betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Standing Order 37 (a) tetapi saya tengok dalam 36 (6).

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi jawab soal saya dahulu—(a) atau (b)—bukan terus kepada 36. Ahli Yang Berhormat sudah lama dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order (a)-(b) penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Saya tahu itu sebab saya tanya (a) atau (b)

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah kata point of order sebab itu otomatik (a).

**Tuan Pengerusi:** Tidak, saya tanya tadi samada (a) atau (b), jawab itu dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Standing Order itu mesti (a), tidak boleh (b).

**Tuan Pengerusi:** Sudah, duduk tidak apa. Sekarang sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat kata dia tidak menentang perbelanjaan ini untuk membeli kereta-kereta ini saya anggap beliau sokonglah kepada perbelanjaan ini, dan saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyokong perbelanjaan itu.

Tentang perbelanjaan untuk projek-projek pembangunan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa Kerajaan telah salahgunakan wang rakyat, tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak sedar bahawa wang ini ialah peruntukan yang diberi kepada Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Pembangunan Negeri, untuk projek-projek. Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional—memang saya akui—memberi syor-syor kepada Pegawai-pegawai Negeri supaya wang itu digunakan untuk projek-projek kecil untuk faedah rakyat. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu hendak

menggunakan wang ini senang sahaja, satu jalan beliau boleh buat, senang sahaja. Apa caranya dia sendiri sudah menggunakan kemudahan ini yang diberi oleh Kerajaan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional—(seorang Ahli Yang Berhormat: masuk Barisan Nasional)—masuklah Barisan Nasional sepertimana yang disyorokan oleh sahabat saya di sini. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa wang ini disalahgunakan oleh kerana wang ini bukan masuk dalam kocek Ahli-ahli Parlimen di sini. Wang itu ialah diberi kepada negeri-negeri, kawasan-kawasan yang tertentu supaya projek-projek yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk di situ boleh diberi kepada mereka itu.

Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menafikan bahawa dalam kawasan-kawasan masing-masing Ahli-ahli Barisan Nasional ada juga penyokong-penyokong parti, barangkali parti DAP, tetapi kita tidak mengasingkan mereka, kata "oh", you orang penyokong dari parti DAP, wang ini tidak boleh digunakan dalam kawasan itu—tidak. Oleh kerana Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional ada satu pandangan yang lebih luas, bukan sempit—bukan sempit, luas (*Tepuk*). Dan jikalau Ahli Yang Berhormat marah sahaja dengan tidak dapat tahu tentang apa maksudnya perbelanjaan ini digunakan, marah-marah pun kita senyum sedikitlah sahaja oleh kerana kita dapat bersabar lagi. Dan saya tidak bersetuju bahawa wang ini yang dikutip oleh Kerajaan dari cukai, itu betul disalahgunakan oleh sebab wang ini terpulung kepada rakyat juga dalam bentuk rancangan-rancangan projek-projek kecil. Misalnya, hendak buat jalan kecil, hendak buat balai raya, hendak buat ini, hendak buat itu wang itu terpulung kepada rakyat. Dan bukan disimpan oleh Kerajaan. Itulah sahaja. Dia kata ada conflict of interest, tetapi saya tidak nampak di mana ada conflict of interest. Kerajaan ditubuhkan oleh Barisan Nasional dan Barisan Nasional ialah Kerajaan, mana ada conflict of interest di antara parti dengan Kerajaan? Wang Kerajaan itu akan dipulangkan kepada rakyat. Nampaknya perkara ini diheboh-hebohkan sahaja, barangkali elok kalau saya tidak memberi satu jawapan atau ulasan lebih lanjut tentang wang ini melainkan saya hendak berucap mengenai masalah pencen. Kerajaan sedar bahawa ada kelewatan me-

ngenai pembayaran pencen kepada golongan kecil pesara-pesara dan saya telah ditugaskan untuk mengkaji masalah ini dan saya harap dengan kajian yang teliti dan mendalam proses-proses ini boleh dipercepatkan, tetapi perlu saya memberi penjelasan di sini bahawa individu-individu yang bekerja dalam jabatan-jabatan masing-masing ada juga tanggungjawabnya mereka sendiri supaya menyimpan rekod-rekod yang tertentu dan teratur supaya tidak mendatangkan kelambatan mendapat faedah pencen apabila mereka bersara. Tetapi perkara ini ialah perkara pentadbiran dan bukan satu tindakan yang sengaja diambil oleh Kerajaan untuk menindas pekerja-pekerja sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Kerajaan tidak ada hasrat begitu walaupun saya tidak menafikan setakat ini bahawa ada kelambatan yang berlaku tentang pembayaran pencen.

Saya harap dengan adanya satu proses yang boleh mempercepatkan pembayaran ini dan rekod-rekod yang teratur yang disimpan oleh Jabatan-jabatan masing-masing, kelewatan ini boleh dikurangkan.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, ulasan saya mengenai teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$493,430 untuk Kepala B. 4 \$8,231,520 untuk Kepala B. 8 dan \$34,740 untuk Kepala B. 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*B. 16 (Jadual Kedua)—  
4.34 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya peruntukan tanda sebanyak \$10 terhadap Kepala B. 16 perbelanjaan Kementerian ini diluluskan. Peruntukan tanda ini dikehendaki kerana bertukarnya tajuk Kementerian ini kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan berikutan dengan penyusunan semula portfolio-portfolio Kementerian pada 5hb Mac, 1975.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan untuk diluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*B. 51 (Jadual Pertama)—*

*B. 17 dan B. 18 (Jadual Kedua)—*

*4.35 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1974 dan Tambahan Pertama Tahun 1976 bagi Kementerian Pertanian iaitu seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1974 melibatkan Jabatan Kemajuan Koperasi memerlukan tambahan sebanyak \$94,975 bagi pecahan-kepala 1104 iaitu membelanjakan gaji dan upahan di bawah Kepala Bekalan 51, dan \$81,625 untuk pecahan-kepala 1201;

(a) elaun-elaun dan lain-lain habuan wang di bawah kepala bekalan yang sama.

Tambahan tersebut adalah perlu bagi menampung gaji usaha serta elaun pegawai-pegawai koperasi yang lewat dipinjamkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang setelah koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian diserahkan kepada Lembaga itu. Peruntukan gaji dan pegawai-pegawai itu tidak dimasukkan pada mulanya ke dalam Anggaran Belanja Mengurus Jabatan Koperasi Tahun 1974 oleh kerana pegawai-pegawai itu dijangka akan dapat melapurkan diri kepada Lembaga Pertubuhan Peladang pada akhir tahun 1973. Tetapi oleh kerana urusan pinjaman mereka itu hanya sempurna dijalankan di dalam tahun 1974, maka pembayaran gaji mereka untuk sebahagian tempoh tahun 1974 itu perlu ditanggung oleh Jabatan Koperasi dan ini memerlukan tambahan kepada peruntukkan asalnya.

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan tambahan kepada peruntukan elaun-elaun Jabatan Kemajuan Koperasi di dalam tahun 1974. Jabatan itu terpaksa membayar elaun-elaun tanggungan kerja kepada beberapa orang pegawainya yang memegang jawatan-jawatan yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1976 adalah dipohon untuk Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia ataupun MARDI di Jabatan Kemajuan Koperasi yang masing-masing di bawah Kepala Bekalan 17 dan Kepala Bekalan 18 tambahan sebanyak \$3,500,000 diperlukan di bawah pecahan-kepala 4100.

Kepala Bekalan 17 untuk membolehkan MARDI menemui belanja mengurus projek-projek penyelidikan yang telah diberi pinjaman sebanyak US\$28.5 juta oleh Bank Dunia di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Perbelanjaan \$3.5 juta ini meliputi gaji dan upahan kepada pakar-pakar luar negeri, perjalanan dan pengangkutan barang-barang, perubatan, latihan kakitangan, pembelian barang perkhidmatan, buku-buku dan kelengkapan perpustakaan di bawah pecahan-kepala 1100. Kepala Bekalan 18 peruntukkan belanja \$10 adalah dikehendaki untuk mengadakan Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi meminda Jadual Akta Perbekalan Tahun 1976 untuk penukaran tajuk Jabatan Kemajuan Kerjasama, Jabatan Kemajuan Koperasi, berikutan dengan penyusunan Potfolio Kementerian pada 5 Mac, 1976.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja tambahan sebanyak \$94,975 di bawah pecahan-kepala 1100 pecahan empat dan \$81,625 bagi pecahan-kepala 1200.

(a) Kepala Bekalan 51 Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1976 sebanyak \$3,500,000 bagi pecahan-kepala 4106 di bawah Bekalan 17 dan peruntukkan tanda \$10 pecahan-kepala 1100, dan Kepala Bekalan 18 sepertimana yang dibentangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$176,600 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$3,500,000 untuk Kepala B. 17 dan \$10 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Kepala B. 19 (Jadual Kedua)—*

4.40 ptg.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya Peruntukan Tambahan bagi Kementerian Perusahaan Utama, iaitu Peruntukkan Belanja Mengurus Tambahan bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 19 dijadikan sebahagian daripada Jadual dalam Perbekalan Tambahan bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, jumlah Peruntukan Belanja Mengurus yang dibenarkan di bawah Kepala B. 19, Kementerian Perusahaan Utama di dalam Akta Perbekalan 1976 ialah sebanyak \$2,657,000. Jumlah Peruntukan Tambahan yang dikehendaki bagi Belanja Mengurus, Kementerian Perusahaan Utama ialah \$10,137,259. Perbelanjaan-perbelanjaan Tambahan ini adalah meliputi semua Pecahan-kepala di bawah Kepala B. 19 Kementerian Perusahaan Utama iaitu:

|                           |             |
|---------------------------|-------------|
| Emolumen ... ..           | \$7,572,274 |
| Perkhidmatan dan bekalan  | 2,299,803   |
| Pemilikan harta modal ... | 232,182     |
| Pemberian dan Kenaan      |             |
| Bayaran Tetap ... ..      | 33,000      |

Perbelanjaan-perbelanjaan Tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai aktiviti-aktiviti baru Kementerian yang telah timbul akibat daripada penempatan Jabatan-jabatan Perhutanan, Galian dan Penyiasatan Kaji Bumi ke bawah Pentadbiran Kementerian Perusahaan Utama berikutan dengan penyusunan semula portfolio-portfolio Kementerian pada 5hb Mac, 1976.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon supaya Peruntukan Tambahan bagi Belanja Mengurus, Kementerian Perusahaan Utama di bawah Kepala B. 19 sebanyak \$10,137,259 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Belanja Mengurus Pertama, 1976.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,137,259 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Kepala B. 16 (Jadual Pertama)—*

*Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 4), 1974—*

4.42 ptg.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan sebanyak \$223,500 dan Anggaran Pembangunan Tambahan sebanyak \$1,577,443 masing-masing di bawah Kepala Bekalan B. 16 dan kepala Pembangunan P. 16.

Tuan Pengerusi, di dalam tahun 1974 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khususnya Bahagian Perdagangan Antarabangsa dan Bahagian Penguatkuasa telah berkembang dengan pesat dan mengalami pertambahan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan. Dengan demikian pada tahun 1974 Kementerian ini terpaksa menyewa sebuah bangunan iaitu Blok "D" di Kompleks Pejabat-pejabat Damansara untuk dijadikan pejabat Bahagian Perdagangan Antarabangsa. Peruntukan tambahan yang dikehendaki bagi maksud ini adalah \$107,860.

Di dalam penyusunan Bahagian Perdagangan Antarabangsa, beberapa pertukaran pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan perlu dibuat. Pertukaran ini telah melibatkan perbelanjaan perjalanan pegawai-pegawai dan tambang barang-barang dan sebagainya. Selain daripada itu, tekanan inflasi telah juga menaikkan kos-kos mengurus pejabat-pejabat di luar negeri. Peruntukan tambahan yang dikehendaki bagi membiayai perkara ini adalah sebanyak \$16,525.

Peruntukan tambahan sebanyak \$80,935 adalah juga dikehendaki bagi menemui pembayaran elaun seberang laut yang telah diulangkaji dan bagi pembayaran bonus dan Elaun-elaun Bantuan Khas bagi kakitangan yang telah bertambah pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan bagi tahun 1974 adalah untuk Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad (Malaysia Shipyard & Engineering Sdn. Bhd.). Pada tahun 1974 pihak Perbendaharaan telah memperuntukkan dalam

Anggaran Belanjawan sebanyak \$37 juta dan seterusnya telah mengemukakan Anggaran Belanjawan Tambahan sebanyak \$1,577,000. Tambahan perbelanjaan ini adalah untuk menemui semua bayaran-bayaran pendahuluan untuk kontrak-kontrak dan tuntutan-tuntutan yang dibuat dalam tahun 1974.

Tuan Pengerusi, saya memohon Anggaran Belanja Mengurus Tambahan sebanyak \$223,500 dan Anggaran Pembangunan Tambahan sebanyak \$1,577,443 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.45 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit untuk membangkitkan dua tiga perkara di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di sini saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah ahli atau wakil-wakil (representatives) untuk ekonomi atau perdagangan dari Malaysia di seluruh Pejabat Konsol atau Embassy Malaysia di seluruh dunia, sebab wang kita sangat kurang kalau hendak mengadakan satu trade centre di semua city atau capital di luar negeri. Tetapi memadai kalau di semua embassy atau konsol ada satu wakil yang kerjanya khas untuk menggalakkan eksport atau perniagaan barang-barang dari kilang-kilang Malaysia. Saya nampak di bandar-bandar lain yang besar seperti London, bila ada suatu hari kebesaran Amerika Syarikat atau Jerman, dia ada Minggu Amerika atau Minggu Jerman, Minggu London dan lain-lain. Saya sendiri ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, adakah Malaysian Embassy atau Konsol kita lancarkan Minggu Malaysia di mana-mana tempat yang kita ada satu konsol, pameran: Malaysia Week atau lain-lain semacam itu, sebab kalau kita mahu galakkan eksport kita, saya ingat rancangan seperti itu patut dilancarkan dengan baik.

4.47 ptg.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan perhatian dalam perkara ini. Suka saya menyatakan bahawa kita tidak ada mempunyai wakil ekonomi di seluruh consulate atau kedutaan.

Ini oleh kerana sudah tentulah perbelanjaan yang dikenakan kalau sekiranya kita adakan wakil perdagangan ataupun pegawai perdagangan di kedutaan-kedutaan tentulah menyebabkan perbelanjaan yang banyak, tetapi dalam pada itu Kerajaan khususnya Kementerian saya menerusi Bahagian (Perdagangan) Antarabangsa adalah sentiasa mengesan perjalanan, pergolakan, perkembangan, perniagaan dan perdagangan di luar negeri dan jika didapati bahawa sesuatu negeri itu adalah mempunyai peluang-peluang perdagangan mahupun pelaburan yang baik berfaedah kepada negara kita, maka kita akan lantik pegawai-pegawai perdagangan untuk ditugas menjalankan kerja-kerja berkenaan dengan ekonomi dengan negara-negara tersebut. Dalam perkara ini, sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang mendalam tetapi kalau sekiranya ada negara yang tidak mempunyai wakil ekonomi atau pegawai perdagangan, jika sekiranya ada kedutaan atau sekurang-kurangnya consulate di negara yang berkenaan itu daripada negara kita pihak kedutaan atau consulate itu diarahkan memberi seorang pegawai di dalam consulate atau kedutaan itu dengan tugas-tugas mengendalikan kerja berkenaan berkaitan dengan perhubungan perdagangan antara negara kita dengan negara-negara yang berkenaan itu.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya diadakan Minggu Malaysia di negara yang berkenaan sebagaimana yang di adakan oleh negara lain untuk menggalakkan perkembangan perdagangan antara negara yang berkenaan itu dengan kita, suka saya menyatakan di sini bahawa kita tidak menjalankan acara semacam itu, tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa lepas kita telah mengadakan pameran perdagangan di mana barang-barang pengeluaran Malaysia, peluang pelaburan di dalam negara kita telah dipamerkan, diterangkan kepada peniaga-peniaga ataupun pelabur-pelabur modal di negara yang berkenaan. Umpamanya, dalam bulan September ini akan kita adakan satu pameran perdagangan secara besar-besaran yang ulung kali diadakan di negara England di mana barang-barang pengeluaran daripada negara kita ini akan dipamerkan dan kita akan terus mengambil langkah yang giat di dalam perkara ini supaya memperbanyakkan lagi pameran-pameran (exhibition) diadakan

di negara-negara luar untuk dapat kita mengenalkan barang-barang pengeluaran kita. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$223,500 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$1,577,443 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974.

*Kepala B. 22 (Jadual Kedua)—*

*4.51 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan sebanyak \$2,114,000 di bawah Kepala B. 22, Kementerian Pertahanan yang dibentangkan di dalam Perbendaharaan berkenaan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1976 diluluskan.

Perbelanjaan sebanyak \$2,114,000 yang dikemukakan ini adalah bagi menjelaskan tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Singapura berhubung dengan sewa tanah dan bangunan yang diduduki oleh Angkatan Tentera Malaysia di Singapura berikutan dengan perpisahan negeri tersebut dari Malaysia. Tuntutan ini adalah untuk tempoh 1hb Jun, 1972 sehingga 31hb Mei, 1974. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bayaran pertama untuk tempoh 9hb Ogos, 1965 hingga 31hb Mei, 1972 sebanyak \$3,647,510 telah dijelaskan sendiri oleh Perbendaharaan. Bayaran-bayaran selanjutnya akan diproses dan dijelaskan oleh Kementerian Pertahanan di bawah Anggaran Mengurus Tahunannya.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,114,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Kepala B. 20 (Jadual Pertama)—*

*Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974)—*

*4.53 ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$15,594,000 di bawah Kepala B. 20, Kementerian Pelajaran dan sebanyak \$2,748,000 di bawah Kepala P. 20, Kementerian Pelajaran dimasukkan di dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1974.

Di bawah Kepala B. 20 Kementerian Pelajaran, jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$15,594,000 itu adalah bagi membayar gaji dan tunggakan gaji kepada guru-guru besar dan penolong-penolong kanan sekolah-sekolah rendah berikutan dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 7 Tahun 1974.

Di bawah Kepala P. 20 Kementerian Pelajaran peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak \$2,748,000 itu ialah bagi membiayai pembayaran kontrak untuk pembinaan sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia dan juga untuk menampung kenaikan harga yang tinggi bagi bahan-bahan binaan, perabot dan kelengkapan pejabat.

Keterangan bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada muka surat 6 dalam Kertas Perintah 17/1976 Memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Belanja Mengurus dan muka surat 3 dalam Kertas Perintah 21/1976 Memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Belanja Pembangunan bagi Anggaran Belanja Tambahan Bil. 4 tahun 1974.

Dengan penerangan-penerangan di atas, saya mohon mencadangkan.

*4.57 ptg.*

**Tuan Lim Kit siang:** Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh mengenai Perbelanjaan Tambahan untuk Kementerian Pelajaran P. 20 bagi tahun 1974 untuk Pembangunan, tujuan dikehendaki membiayai pembinaan sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah.

Tuan Pengerusi, di samping menjalankan kerja membina sekolah-sekolah menengah dan pemberian subsidi dan carum-carum untuk pelajaran rendah dan menengah, satu . . . .

**Tuan Chan Siang Sun:** Untuk sekolah menengah sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belanja Mengurus mengenai pemberian subsidi carum-carum pelajaran rendah dan menengah.

Tuan Pengerusi, dalam menjalankan projek-projek pembangunan ini pihak Kementerian mesti jangan lupa apa yang mustahak ialah bukan bangunan-bangunan, tetapi mutu pelajaran dan di dalam segi ini satu perkara yang sangat membimbangkan ialah mengenai kelulusan peratus yang sangat rendah, yang dicapai oleh pelajar-pelajar sains khasnya pelajar-pelajar sains untuk peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran di tahun lalu yang dapat 10 peratus kelulusan sahaja. Ini adalah 0.6 peratus lebih rendah daripada keputusan tahun dahulu. Angka-angka yang saya ada ialah daripada 593 calon-calon yang memasuki peperiksaan S.T.P. (Sijil Tinggi Pelajaran) hanya 63 lulus dan bila dibandingkan dengan tahun lepas di mana daripada 507 calon-calon yang memasuki peperiksaan hanya 54 lulus. Soalan ini adalah satu soalan yang sangat besar yang mesti mendapat perhatian yang mendalam dan serious oleh pihak Kerajaan oleh kerana sangat menghairankan kenapa pelajar-pelajar atau calon-calon S.T.P. yang dua tahun sebelum itu lulus dalam S.P.M. (Sijil Pelajaran Malaysia) sampai 90 peratus boleh lulus. Itulah untuk berikhtiar memodenkan masyarakat kita ke aliran sains dan teknologi ada satu keputusan yang tidak boleh dibiarkan. Dan bila dibandingkan dengan keputusan H.S.C. aliran sains di mana 67.6 ada lulus tetapi jika kita dapat gambaran breakdown antara pelajar Melayu dan bukan Melayu barangkali kita boleh dapat bahawa soalan ini pun satu soalan yang rumit untuk pelajar-pelajar Melayu yang memasuki H.S.C.

Kita telah merdeka 20 tahun dan pihak Kementerian Pelajaran mesti ada satu program sistematik, vigorous dan berkesan untuk meningkatkan pencapaian mutu pelajaran sains untuk pelajar-pelajar Melayu oleh kerana kita tahu pelajar-pelajar Melayu

lebih lemah dalam bidang sains. Tetapi dalam masa 20 tahun yang telah lepas perkara ini mesti ada dibetulkan dengan lebih berkesan. Tetapi malangnya pada saat ini, perkara ini sangat rumit, sangat besar. Nampaknya pihak Kementerian tidak boleh ada apa-apa formula atau apa-apa program untuk mengatasi perkara ini. Kita tahu ada formula-formula yang mudah untuk mengatasi soalan ini semacam merendahkan mutu sains ataupun menghapuskan Sijil Tinggi Pelajaran. Tetapi saya rasa itu bukan sebenarnya untuk mengatasi soalan ini. Soalannya ialah mesti ada langkah-langkah untuk meningkatkan pencapaian mutu-mutu sains antara pelajar-pelajar Melayu.

Tuan Pengerusi, . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat nampaknya banyak menyentuh perkara polisi. Kita di dalam Committee, kita patut hadkan kepada cara implimentasi polisi Kerajaan sahaja. Sepatutnya tadi waktu bacaan kali yang kedua lagi disebutkan perkara ini. Saya minta tolong ringkaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya ringkaskan. Saya menumpukan atas perkara pembinaan sekolah-sekolah menengah. Di dalam pembinaan sekolah-sekolah menengah di negara kita, saya harap pihak Kementerian pun ada dalam pertimbangannya untuk memberi tempat-tempat khas H.S.C. kepada pelajar-pelajar bukan Melayu yang masa ini ramai tidak boleh dapat kerusi dan sekolah-sekolah apabila dibina mesti ada tempat-tempat yang lebih banyak untuk pelajaran H.S.C. khasnya untuk orang-orang yang bukan Melayu oleh kerana pada masa sekarang soalan pelajar-pelajar Melayu tidak boleh dapat kerusi dalam H.S.C. tidak timbul. Sekarang ialah soalan pelajar-pelajar bukan Melayu tidak boleh dapat tempat dalam H.S.C. khasnya untuk memasuki aliran sains. Ini sangat mustahak dan saya harap perkara ini boleh dibetulkan kerana perkara ini mengkhawatirkan ibu-bapa, dan rakyat jelata di negara kita.

Akhirnya, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan mengenai apa yang beliau telah katakan pada awal tahun ini, apabila beliau mensifatkan ada satu trend di mana pelajar-pelajar daripada Sekolah-sekolah China Jenis Kebangsaan tidak masuk Sekolah Menengah. Walaupun Sekolah-sekolah

Menengah dibina lebih banyak, tetapi pelajar-pelajar memasuki sekolah-sekolah bebas China dan beliau sifatkan trend ini sebagai tidak sihat (unhealthy trend) yang dilaporkan di semua akhbar termasuk *The New Straits Times*. Apa ertinya? Saya harap beliau boleh memberi satu penjelasan oleh kerana dalam masyarakat kita di negara ini sekolah-sekolah bebas China pun sebahagian daripada sistem pelajaran. Akhirnya saya harap beliau memberi satu penjelasan yang terus-terang oleh kerana jikalau itu betul tidak sihat ertinya ialah pihak beliau mahu ada satu matlamat di mana semua sekolah-sekolah bebas ditutup. Saya harap untuk semua sekolah menengah yang akan dibina, sekolah-sekolah menengah baik Jenis Kebangsaan ataupun Kebangsaan ada mewajibkan bahasa China dan bahasa Tamil sebagai subject yang compulsory untuk pelajar-pelajar keturunan China dan Tamil. Itulah satu perkara yang mustahak.

5.06 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah Kepala B. 20. Tadi saudara saya, Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka ada berkata ramai penuntut yang hendak masuk H.S.C. tetapi tidak ada peluang. Ini betul. Saya sendiri menerima banyak rayuan daripada penuntut dan ibu-bapa mereka yang tidak ada peluang masuk H.S.C. sebab kelebihan satu yunit. Sekarang ini, sekiranya mahu memasuki kelas H.S.C. mesti dapat lapan tetapi dia mendapat sembilan. Ramai penuntut-penuntut yang semacam ini ada di negara kita sekarang. Dan ada satu hal ialah bila saya minta sekolah besar di Seremban, yang ada tempat, dia kata ada tempat H.S.C. Ada tempat kosong untuk penuntut-penuntut yang ada qualification. Malangnya sebab penuntut ini lebih satu yunit dia tidak boleh masuk sungguhpun ada tempat kosong di sekolah-sekolah besar yang ada Kelas H.S.C. Ini satu perkara yang tidak sihat. Saya harap beliau boleh ambil perhatian dalam perkara ini dan ambil langkah yang lebih sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun ada berkata mutu pelajaran khasnya sains di peringkat S.T.P. sangat kurang baik hanya ada 10% sahaja pass. Saya sendiri ingin mencadangkan sebab kita kekurangan guru sains di negara kita khasnya guru sains yang baik, yang ada kelayakan, berdedikasi

dan yang bermutu tinggi. Oleh sebab itu, saya harap Menteri yang berkenaan dapat berhubung dengan Kementerian Penerangan untuk menggunakan talivisyen bagi kelas sains tiap-tiap pagi, petang dan malam untuk mengajar penuntut-penuntut S.T.P. supaya diberi peluang meningkatkan taraf pelajaran sainsnya.

5.10 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di bawah Kepala P. 20—Kementerian Pelajaran yang berjumlah \$2,748,000.

Di samping itu, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai kompleks sekolah-sekolah di kawasan saya di Bayan Lepas. Ada tiga buah sekolah termasuk sebuah sekolah menengah yang terlibat dengan pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang di Bayan Lepas. Sekolah menengah yang saya maksudkan itu ialah Sekolah Menengah Raja Tun Uda yang letaknya 10 ela sahaja dari lapangan terbang yang ada sekarang; lapangan terbang itu saya fikir lebih kurang dalam 6 bulan lagi akan siap, tetapi pemindahan sekolah ini belum lagi dibuat dan tindakan untuk memindahkannya pun belum lagi dibuat. Apa yang saya faham bahawa tanah untuk pemindahan sekolah itu sudah pun dibeli oleh pihak Kementerian Pelajaran tetapi sehingga ini pembinaan sekolah-sekolah itu belum dimulakan lagi. Ini sangat membimbangkan pihak warith yang anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah tersebut.

Komplek sekolah-sekolah yang ada sekarang ini tiga buah sekolah sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah melibatkan lebih kurang 2,500 orang murid. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan melawat ke kawasan itu beliau akan dapat tahu dan dapat merasai bagaimana susahnya murid-murid dan guru-guru hendak menghadapi pelajaran di kawasan sekolah-sekolah ini, sebab terlampau bising dengan kapal terbang, dengan kerja-kerja pembinaan yang sedang berjalan. Jadi, saya sangat-sangat berharap supaya Kementerian Pelajaran menyegerakan projek

pemindahan sekolah-sekolah tersebut seberapa cepat yang mungkin. Apa yang kita bimbangkan untuk membina kompleks sekolah ini takkanlah kita boleh buat dalam masa dua atau tiga bulan, ini memakan masa sekurang-kurangnya dua tahun.

Satu perkara yang telah terjadi yang sangat membimbangkan kepada pihak ibu-bapa ialah sebuah sekolah yang terlibat secara langsung dengan pembinaan itu iaitu Sekolah Permatang Damar Laut. Murid-murid yang berjumlah lebih kurang 250 orang terpaksa pergi menumpang belajar di sebuah sekolah lain yang jauhnya lebih kurang tiga batu. Ini pihak ibu-bapa terpaksa menanggung tambang pergi dan balik pada hal ibu-bapa di sana ialah yang terdiri daripada nelayan-nelayan yang berpendapatan kais pagi makan pagi, terpaksa pula mereka itu mengadakan peruntukan wang untuk tambang anak-anak mereka pergi belajar, sehingga hari ini sekolah itu belum siap lagi. Pihak Kementerian Pelajaran telah berjanji selewat-lewatnya akhir tahun ini tetapi pada pendapat saya akhir tahun ini pun sekolah tersebut tidak akan dapat disiapkan. Inilah yang sangat membimbangkan kepada pihak penduduk-penduduk di sana. Jadi, sekali lagi saya berharap sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan menyegerakan pemindahan sekolah ini supaya pelajaran murid-murid ini tidak akan terjejas oleh lapangan terbang yang baharu ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ialah mengenai kelas H.S.C. di kawasan saya di Balik Pulau. Di kawasan Balik Pulau tidak ada sebuah kelas H.S.C. pun, cuma yang ada di bandar Pulau Pinang, Bandaraya George Town. Ini adalah menjadi kesukaran kepada pihak ibubapa yang anak-anak mereka layak untuk memasuki Tingkatan VI tetapi oleh sebab tempatnya jauh dan asrama kurang maka pihak ibu-bapa tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka pergi belajar H.S.C. yang jauhnya lebih kurang 20 batu, kalau pergi balik 40 batu. Ini melibatkan perbelanjaan tambahan iaitu tambang lebih kurang \$60 pada ibu-bapa pada sebulan. Inilah perkara yang menyebabkan ibu-bapa berharap sangat-sangat supaya sebuah kelas H.S.C. diadakan di kawasan saya iaitu di Balik Pulau.

5.15 ptg.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga pendapat-pendapat yang membina kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban, saya ucapkan tahniah kepada mereka itu kerana telah bertukar sikap sedikit, sebab dua tiga tahun dahulu mereka tidak berapa mengambil perhatian yang berat terhadap murid-murid Melayu kita khususnya dalam aliran sains.

Berkenaan dengan keputusan S.T.P. yang lalu aliran sains tidak berapa memuaskan. Ini satu hakikat, tetapi bagaimanapun pihak sekolah-sekolah menengah, kita cuma memberikan kemudahan-kemudahan seperti guru-guru mengajar supaya mereka boleh dapat kemudahan-kemudahan yang sempurna. Kementerian saya telahpun pergi membuat kajian berkenaan dengan hal ini. Dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan sampai hari ini tidak ada satu formula atau program untuk meninggikan mutu sains untuk sekolah menengah kita. Ini saya menafikan dan tidak berapa benar. Jika kita memandang balik, kita boleh melihat iaitu Kementerian Pelajaran telah membuat rancangan yang mendalam khususnya untuk mendirikan banyak lagi sekolah-sekolah menengah sains dan juga bagi sekolah-sekolah menengah rendah, sekolah-sekolah menengah tinggi, kita telah berusaha membuat latihan guru-guru untuk pengajaran sains. Dan juga kita ada satu rancangan yang telah dijalankan beberapa tahun yang lalu iaitu kita akan dapat banyak lagi guru-guru siswazah dan juga kalau tidak cukup, kita akan dapat bantuan daripada Kerajaan Indonesia supaya banyak sekolah-sekolah menengah kita dapat guru-guru sains untuk mengajar sains kepada murid-murid kita.

Berkenaan dengan pembinaan sekolah menengah, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kita mesti memandang keperluan ia itu bukan cuma kita adakan bangunan ia itu tetapi mutu pengajaran mesti diketatkan. Ini memanglah dasar Kementerian Pelajaran. Dan kita pada hari ini bukan cuma untuk memberikan pengajaran yang sempurna khususnya untuk aliran sains sahaja, tetapi

kita pun ada cara-cara yang lain yang mana kita dapat memberi pengajaran yang lebih luas lagi, pengetahuan dalam menggunakan sains dan teknologi dan ini semua menjadikan sebahagian daripada program atau daripada formula kita yang telah dijalankan beberapa tahun yang lalu.

Berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada tahun ini iaitu ada satu haluan (trend) yang mana didapati ramai murid-murid daripada sekolah rendah jenis kebangsaan, bila ada peluang bagi mereka memasuki sekolah menengah, mereka tidak memasuki sekolah menengah jenis kebangsaan, tetapi memasuki sekolah persendirian atau private school. Ini satu hakikat hasil kajian yang kita dapat feed back daripada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri. Ini saya ingat bukan kita semata-mata menuduh pengajaran di sekolah-sekolah persendirian itu tidak sesuai atau tidak sempurna, tetapi oleh kerana sekolah-sekolah ini cuma sekolah-sekolah berdaftar tetapi bukan sekolah Kerajaan atau bantuan penuh daripada Kerajaan. Barangkali bahasa pengantarnya ada berlainan sedikit jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah kebangsaan dan juga sekolah pengajian kebangsaan kita. Saya ingat ini satu hakikat kita mesti insaf atau menyedari bahawa jikalau kita tidak mengikuti satu dasar pelajaran kebangsaan barangkali pencapaian murid-murid kita pada satu masa kelak tidak mendapat peluang-peluang mencari kerja atau mendapat peluang-peluang melanjutkan atau memanjangkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi. Bagi pihak Kerajaan atau Kementerian kita tidak memaksa apa-apa jenis sekolah yang mereka pergi, tetapi ini satu hakikat saya ingat kita patut memberi panduan kepada mereka supaya pada satu masa kelak tidak menjadi soal masyarakat kita.

Berkenaan pengajaran matapelajaran Bahasa China di sekolah menengah, ini memang menjadi satu perhatian yang berat yang saya sendiri pun sedang mengkajikan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita akan memulakan satu kursus pada tahun depan yang mana kita akan dapat melatih lebih guru-guru untuk memenuhi kekurangan ini dan saya sendiri telah diarahkan di tiap-tiap sekolah menengah jenis kebangsaan atau sekolah menengah

yang lain yang mana kita dapati dalam satu darjah, bukan dalam satu kelas, ada lebih 15 murid-murid atau ibu-bapa mereka berkehendakkan mereka mempelajari mata-pelajaran Bahasa China, kemudahan-kemudahan mesti diberikan kepada mereka. Ini saya rasa satu syarat yang telah dicatitkan di dalam Lapuran Razak. Saya ingat kalau ada didapati mana-mana sekolah menengah yang tidak dapat menjalankan hal ini, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan tokoh-tokoh tempatan bolehlah memberitahu kepada saya dan saya akan membetulkan perkara-perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban ada mengesyorkan supaya tempat-tempat dilebihkan lagi di dalam Tingkatan 6 supaya lebih murid lagi dapat memasuki kelas-kelas Tingkatan 6. Tempat-tempat yang kosong dalam sebuah sekolah menengah tidak ada berkaitan dengan murid-murid memasuki ke Tingkatan 6. Apa yang telah dijalankan ialah penempatan ini cuma daripada Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran yang mana kita mengikuti markah-markah mereka yang diperolehi dan juga melalui proses komputer yang mana mereka mesti sampai satu peringkat yang sesuai memasuki Tingkatan 6 akan diberikan tempat itu. Di sini saya cuba menyampaikan seruan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dari Kota Melaka dan Seremban oleh kerana tempat-tempat di sekolah-sekolah Kerajaan ada terhad barangkali satu tempat yang mereka boleh dapat peluang ialah Kolej Tunku Abdul Rahman. Saya ingat kita sepatutnya dapat sambutan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Seremban supaya bolehlah menolong Kolej ini memberi sedikit penerangan bagi pihak Kolej itu supaya dapat sambutan atau sumbangan daripada masyarakat umum oleh kerana Kolej itu cuma mendapat 50% peruntukan atau pertolongan daripada Kerajaan sahaja. Bagi guru-guru sains yang mengajar di Tingkatan 6 saya telah memberi keterangan tadi, jadi saya tidak ingin membuang masa berucap selanjutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada menyoalkan dua tiga perkara berkenaan kompleks sekolah itu ada terlibat dengan pembinaan lapangan kapal terbang. Perkara ini saya akan membuat siasatan dan saya berharap dapat mendesak kepada pihak yang berkenaan supaya projek atau rancangan

memindahkan sekolah ini dapat disempurnakan secepat mungkin. Ini satu hal yang saya ingat patut disebutkan di sini untuk pembangunan khususnya di kawasan lapangan kapalterbang di Pulau Pinang, satu kerumitan iaitu bagi pihak Kementerian Pelajaran kita bukan sahaja terpaksa menanggung perbelanjaan untuk mendapatkan hak milik tanah bahkan kita kena membayar pampasan untuk setinggan-setinggan yang dapat dipindahkan supaya tempat itu boleh dikosongkan untuk pembinaan sekolah. Saya mengambil peluang bercakap di sini iaitu kerjasama atau semua perbelanjaan cuma daripada Kementerian, pihak Kerajaan Negeri tidak hendak menanggung sebahagian daripada perbelanjaan itu. Ini menjadikan satu kerumitan. Barangkali inipun satu sebab kita melambatkan pemindahan sekolah ini. Walau bagaimanapun, saya akan siasat perkara ini dan berharap rancangan ini akan dapat dijayakan tidak berapa lama lagi.

Bagi mengadakan kelas H.S.C. di kawasan Ahli Yang Berhormat itu, jikalau ada sebuah sekolah menengah yang dekat situ yang mana ada kelengkapan-kelengkapan yang sempurna dan juga jikalau ada bilangan murid yang sesuai boleh kita mengadakan kelas Tingkatan H.S.C. itu, saya akan membuat penyiasatan dahulu sebelum saya membuat apa-apa keputusan. Masaalah yang dihadapi cuma murid-murid itu terpaksa pergi sampai 18 batu jauhnya tetapi jikalau sekolah itu ada kelengkapan yang baik untuk murid-murid mempelajari aliran sains, kita akan membenarkan mereka memasuki sekolah itu, oleh kerana jikalau tidak barangkali ada timbul soal keputusan S.T.P. tidak berapa sesuai, jadi Kementerian saya pula mendapat tuduhan. Bagaimanapun saya akan menyiasat perkara ini dan berharap mudah-mudahan dapat memberikan pelajaran yang sempurna untuk mereka.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$15,594,000 untuk Kepala B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$2,748,000 untuk Kepala P. 20 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1974.

*Kepala B. 22 (Jadual Pertama)—  
5.30 ptg.*

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan pengerusi, bagi pihak Menteri Luar Negeri saya meminta izin supaya Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1974 di bawah Kepala B. 22 berjumlah \$1,225,700 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1974 seperti penjelasan yang diberi dalam Kertas Perintah No. 17 Tahun 1976, muka surat 7. Peruntukan Tambahan adalah dikehendaki untuk menambah Perbelanjaan Mengurus Kementerian ini bagi tahun 1974 yang berjumlah \$38,832,300. Dari jumlah \$1,225,700, sebanyak \$458,065 adalah dikehendaki di bawah peruntukan Gaji dan Elaun dan \$767,635 untuk Perkhidmatan dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,225,700 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Kepala B. 24 dan B. 26 (Jadual Pertama)—  
Kepala B. 26, B. 27 dan B. 28 (Jadual Kedua)—*

*Kepala P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974)—*

*5.32 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya jumlah-jumlah wang yang telah dicatitkan dalam Kertas Perintah 17, 19 dan 21 Tahun 1976 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Di bawah Kepala B. 24 bagi Belanja Mengurus tahun 1974 iaitu \$5,612,800 dan juga Kepala B. 26 \$1,055,800 yang telah dinyatakan di muka surat 7 dan 8 di Memorandum Perbendaharaan, dan tidak payahlah saya membazirkan masa Dewan ini dan juga Tuan Pengerusi, untuk tahun 1976 Belanja Mengurus untuk Kepala-kepala B. 26, B. 27 dan B. 28 butir-butir perincian yang berkenaan adalah didapati di muka surat 14, 15 dan 16. Bagi belanja pembangunan untuk tahun 1974 iaitu di bawah Kepala P. 26 sebanyak \$1,399,100 itu adalah

untuk Kastam dan Eksais di Raja dan perincian yang berkenaan pun terdapat di muka surat 3 di Memorandum Perbendaharaan iaitu Kertas Perintah 21 Tahun 1976. Jadi, jumlah besar yang saya minta kelulusan itu ialah \$133,134,901.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

5.34 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya menyokong tambahan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan di bawah Kepala B. 24 kerana saya yakin dan percaya apa yang telah dibelanja adalah perkara yang memberi keperluan kepada negara. Di samping itu saya merayu dan berharap kerana perkara ini selalu dibangkitkan, tentang perbelanjaan ini masalaahnya tidak besar asalkan perkara itu menasabah. Saya yakin semua orang menyokong termasuk juga saya tetapi yang menjadi dukacita tentang pegawai-pegawai perkhidmatan yang telah berpencen. Perkara ini telah dibangkitkan di merata-rata tempat. Kita telah menggunakan pegawai-pegawai Kerajaan sehingga umur mereka genap 55 tahun. Tetapi setelah mereka tamat perkhidmatan masuk kepada peringkat berpencen maka untuk mendapatkan pencen mereka ini terlampau lama memakan masa barulah dapat, kadang-kadang membawa pegawai-pegawai yang berkenaan tidak dapat makan kerana maklum Tuan Pengerusi, walaupun kita kata umur itu di tangan Tuhan, bila sampai ajal tidak kira tua dan muda tetapi telah menjadi adat kepada manusia kerap kali lebih banyak yang mati dahulu yang umurnya masih muda. Kita amat dukacita ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telah berpencen sebagaimana saya katakan tadi tidak sempat menerima atau mendapat pencen yang telah ditetapkan oleh Kerajaan maka mereka meninggal dunia dahulu barulah ada wang pencen sehingga wang pencen itu tidak sempat didapat. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan tolonglah sedayaupaya mencepatkan perkara ini.

Kedua, saya berpendapat walaupun ini telah dinaikkan, walaupun kita kata mereka ini telah berpencen, tidak lagi bekerja dengan Kerajaan, tetapi khidmat mereka kepada negara di masa yang lepas amatlah perlu dan di masa mereka mendapat gaji tentulah

suasana barang tidak seperti yang terjadi pada hari ini. Dengan sebab itu, sebagaimana kita timbang di segi gaji-gaji pegawai-pegawai yang lain yang sedang bekerja dalam Kerajaan di mana ini kita sedia menaikkan gaji-gaji mereka dan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan pun patutlah kita timbangkan mengikut keadaan.

Saya juga berharap kepada Kementerian yang berkenaan segala projek-projek yang dijalankan oleh tiap-tiap negeri kalau boleh patutlah dcepatkan kewangannya. Saya yakin dan percaya kewangan ini selalu diberi oleh Perbendaharaan kepada negeri masing-masing. Tetapi kadang-kadang amatlah lambat dengan alasan barangkali kerana wang tidak ada. Tetapi kita percaya kalaulah satu-satu rancangan yang akan dibuatkan oleh Kerajaan itu mengikut keadaan masa, misalnya, membuat satu projek di bulan April, saya yakin dan percaya kalau membuat satu projek di bulan April yang mana berkehendak belanja, misalnya satu bangunan ataupun taliair ataupun berbagai-bagai bangunan, saya yakin misalnya satu bangunan belanjanya \$20,000 tetapi bila keadaan bangunan itu akan dibuat pada bulan Ogos haruslah perbelanjaan itu dinaikkan sampai \$14,000 disebabkan suasana hujan dan sebagainya. Ini membawakan lebih banyak belanja selain daripada pelaksanaan yang lambat dibuat dan lambat dalam rancangan Kerajaan, kalaulah kita kata sekolah ini akan membawa kerugian kepada kanak-kanak dan sebagainya begitu juga kalau hendak membuat bangunan masjid. Kalau satu tempat yang sepatutnya orang dapat sembahyang berjemaah dengan adanya masjid yang cantik dan dekat tetapi dengan lambatnya pun bererti lambatlah orang berjemaah di satu masjid yang dekat.

Ini kita tahu, Tuan Pengerusi, walaupun mengikut adat ugama kita jauh dan dekat kena sembahyang, adat manusia kalaulah kemudahan itu lebih ada maka ini membuat satu-satu itu lebih banyak daripada payah di tempat yang tidak ada kemudahan. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan perkara yang dua yang saya sebutkan tadi saya percaya selalu Menteri yang berkenaan bagi terlampau lambat. Jadi tolong cepat secepat yang boleh.

5.41 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong perbelanjaan tambahan iaitu Kepala B. 24 Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Di samping itu saya ingin menyentuh tentang Pecahan-kepala 4 iaitu Elaun Bantuan Khas kepada pesara-pesara. Saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan saya ada dua kes sehingga hari ini pesara yang berkenaan itu tidak mendapat elaun bantuan khas pada hal elaun bantuan khas ini sudah dimulakan oleh Kerajaan semenjak lebih kurang tiga tahun yang silam. Tetapi sehingga hari ini ada dua kes saya bawa pesara-pesara itu tidak mendapat Elaun Bantuan Khas. Jadi di mana silapnya, saya pun tak tahu, sudah berpucuk-pucuk surat dihantar kepada Jabatan yang berkenaan tetapi tindakan tak diambil sehingga hari ini.

Satu lagi perkara, ialah masalah pesara-pesara lambat menerima pencen setelah mereka bersara. Tiap-tiap kali saya datang sidang Parlimen tak kurang daripada 5 kes saya bawa daripada kawasan saya mengenai kes-kes pesara yang belum mendapat saraan mereka setelah mereka bersara, ada yang sudah tiga tahun bersara tetapi tak dapat pencennya. Sehingga kedai yang mereka berhutang barang-barang runcit tidak percaya lagi pesara itu boleh dapat persaraannya daripada perkhidmatannya. Ini satu perkara yang sangat sedih, sebab orang persaraan ini tidak mampu lagi tidak terdaya lagi membuat kerja dan harapan dia hendak dapat wang persaraan pun tidak dapat. Kepada Biro Siasatan Negara sudah berpucuk-pucuk surat dihantar dan rojokan surat daripada Biro yang berkenaan kepada Jabatan Pencen pun saya tengok empat lima keping tetapi tindakan tak juga dibuat. Saya sudah menjalankan dua tiga kes siasatan atas perkara ini. Sebab-sebab yang saya dapati yang melambatkan pesara ini dibayar wang persaraannya kadang-kadang disebabkan oleh kelengahan atau kelalaian yang dibuat oleh jabatan yang berkenaan. Misalnya dia bekerja di Jabatan Pelajaran. Jabatan Pelajaran punya kesalahan atau kelalain, kadang-kadang perkara itu diperingkat Persekutuan. Jadi saya harap perkara ini pihak Menteri yang berkenaan kalau boleh adakah satu peraturan mengarahkan ke Jabatan-jabatan yang berkenaan dua atau tiga tahun sebelum pesara itu bersara hendaklah dibuat

persediaan. Langkah-langkah hendaklah diambil supaya perkara kelambatan ini tidak berlaku. Kadang-kadang apabila pesara itu sudah bersara disiasat mengenai jawatannya, ada jawatannya yang belum disahkan lagi. Ertinya pejabat yang berkenaan tidak mengesahkan dia dalam jawatan yang dia bekerja. Ini yang melambatkan yang menjadi lengah wang persaraan itu dibayar kepada pihak yang berkenaan.

Saya suka cadangkan supaya dua tahun atau tiga tahun sebelum pesara itu bersara hendaklah dibuat persediaan supaya perkara pembayaran persaraan itu tidak dilengahkan lagi.

5.44 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengulas sedikit mengenai Kepala B. 28 mengenai peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang mana \$10 juta diminta untuk menjadi peruntukan bagi Kepala itu. Di samping itu saya juga menyentuh Kertas Perintah 19 tahun 1976, muka surat 17 yang mana ada diterangkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan perumahan sebanyak \$10 juta sebagai Kumpulan Wang Pusingan untuk membolehkan pinjaman diberi kepada semua pekerja yang berpendapatan rendah di ladang-ladang dan perusahaan-perusahaan di luar bandar bagi tujuan mendirikan rumah-rumah sendiri.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini saya juga ingat bahawa Kerajaan telah meluluskan \$10 juta sebagai Tabung Pusingan untuk menolong orang miskin atau orang yang berpendapatan rendah di ladang-ladang atau perusahaan-perusahaan di luar bandar memiliki rumah mereka. Sejak pengumuman itu dibuat Kerajaan telah meningkatkan harapan-harapan rakyat khususnya rakyat yang miskin tentang kelayakan mereka untuk memiliki rumah mereka. Ramai orang-orang yang tidak berumah telah memohon kepada Kementerian yang berkenaan untuk mendapatkan bantuan, tetapi sehingga hari ini mereka belum mendapat keputusan atau jawapan daripada Kementerian itu. Oleh yang demikian, mereka ingin dapat tahu daripada Kerajaan samada mereka layak atau tidak untuk mendapatkan bantuan dari Tabung ini supaya mereka dapat membina rumah untuk kegunaan mereka. Memandangkan perkara

ini saya harap bahawa Kerajaan dapat memberi penjelasan di dalam Dewan ini mengenai apa yang telah terjadi tentang Tabung Pusingan Perumahan dan apakah rancangan-rancangan perumahan yang telah dibina akibat bantuan yang diperolehi dari Tabung ini. Oleh sebab perkara yang telah saya sebutkan tadi satu issue yang mustahak, saya harap bahawa Kerajaan dapat memberikan sedikit penjelasan tentang hal ini.

5.47 ptg.

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya menyokong Kepala B. 24, Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Di dalam Dewan ini telah beberapa kali, tiap-tiap kali ada persidangan kita dengar berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah pencen apabila umurnya 55 tahun. Tetapi kegelisahan ini masih ada khususnya berkenaan dengan pembayaran pencen bagaimana yang telah disuarakan oleh sahabat saya dari Kangar dan Balek Pulau tadi. Kerana pembayaran ini apabila sahaja kelewatan sampai, kelewatan yang dihadapi oleh mereka maka tidak ada tempat lain yang mereka ini boleh merayu, menuduh dan sebagainya khususnya ditujukan kepada pihak Kerajaan. Kadang-kadang mereka ini apabila tahu kewangan ini ada di Perbendaharaan, Kementerian Kewangan mulut mereka senang sahaja menyebut Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi jika mereka tidak dapat meneka di mana tempatnya biasanya disebut hal ini kepada Kerajaan semata-mata.

Bila disebut Kerajaan, Tuan Pengerusi, ada kaitanlah dengan kami yang menjadi wakil mereka di tempat masing-masing. Oleh sebab itu, kita dengar apabila sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat bangun mereka telah membawa kes ini beberapa kali dan kadang-kadang beberapa tahun lewat tidak dibayar juga. Ini saya percaya kemungkinan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah cuba mengatasi masalah ini dan daripada setahun ke setahun mencari penyelesaian, tetapi tidak berjaya juga. Tetapi mungkin ada masalah besar yang dihadapi oleh Yang Berhormat Menteri di Kementerian Kewangan oleh kerana barangkali pada pendapat saya cara pentadbiran di Kementerian Kewangan atau di Perbendaharaan tidak disusun semula supaya peraksanaan ini dapat

disegerakan ataupun kemungkinan kaki-tangan yakni pegawai-pegawai di Kementerian ini tidak mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh Kementerian ini atau yang dikehendaki oleh Kerajaan. Kerana dari setahun ke setahun bilangan pegawai-pegawai kita yang bersara bukan semakin kurang bahkan semakin lebih dan ada persamaan dengan pengambilan pegawai-pegawai baharu. Jika pegawai-pegawai yang mempunyai pendapatan yang besar, kita katakan mereka ini mempunyai pendapatan lebih dari \$1,000 dan mereka ini boleh menyimpan daripada wang mereka untuk sampai pada waktu bersara, tidak menjadi masalah sangat kerana apabila sahaja mereka bersara, kewangannya boleh menolong mereka sebelum mendapat pencen. Tetapi di kawasan-kawasan luar bandar seperti di kawasan saya sendiri, Matang di dalam negeri Perak, saya terjumpa pegawai-pegawai kebanyakannya apabila mereka berpencen pada masa mereka bekerja mendapat pendapatan kurang daripada \$1,000 yakni mereka ini terdiri daripada Guru, Attendan, Guru-guru Ugama, Pegawai Askar, Polis dan sebagainya. Dan mereka inilah selalunya membuat rintihan khasnya kepada kami yang menjadi wakil mereka di kawasan masing-masing. Tidak ada jalan lain yang kami boleh buat hanya menghantar surat kepada Kementerian yang berkenaan meminta supaya perlaksanaan dibuat dengan segera. Jika tidak dibuat begitu mereka akan membuat sesuatu yang mereka sendiri tidak dapat menentukan bagaimana cara untuk mendapat pencen mereka ini segera.

Di kawasan saya sendiri ada seorang yang sudah berpencen terpaksa ia berulang berkali-kali ke Kuala Lumpur daripada Kuala Lumpur ke Taiping 180 batu dan apabila ia datang ke Kuala Lumpur biasanya tidak dapat pulang pada hari itu juga, kerana mungkin ia naik bas, naik keretapi ataupun naik kenderaan yang paling murah daripada ini. Oleh sebab itu terpaksa ia tunggu di Kuala Lumpur beberapa hari mengadukan hal ini, tetapi apabila saya bertanya, ia menjawab tidak biasa mengadu hal ini kepada Yang Berhormat Menteri, kerana perkara ini katanya memadailah kepada pegawai-pegawai di Kementerian itu sahaja. Hal itu berlaku di kawasan saya dan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri bagaimana saya katakan tadi beberapa kali mencari penyelesaian dan beberapa kali telah berusaha supaya hal ini tidak berbangkit. Ada seorang Attendan yang sepatutnya mendapat pencen. Attendan mendapat gaji yang paling kecil sekali, tetapi apabila surat salinan sampai kepada saya tiap-tiap kali urusan itu dibuat oleh pihak Perbendaharaan, oleh pihak Ibu Pejabatnya di Negeri, saya dapati berulang-ulang kali daripada Perbendaharaan kepada pegawai peringkat Negeri, dari pegawai peringkat Negeri kepada peringkat Perbendaharaan, sehingga beberapa kali dan sehingga saat saya bercakap ini mungkin pihak yang berkenaan ini belum dapat lagi sampai sekarang.

Tuan Pengerusi, bukanlah tujuan saya bangun ini hendak menuduh kepada Yang Berhormat Menteri atau kepada Kerajaan, oleh kerana saya tahu Kerajaan kita ialah satu Kerajaan yang paling cekap sekali yang memerintah sekarang, tetapi barangkali hal ini tidak dapat kita selindungi lagi, kita ingin berterus-terang. Oleh sebab jika Yang Berhormat Menteri bercadang supaya pegawai-pegawai ini hendak ditambahkan lagi, hendak disusun semula, saya menyokong penuh supaya pegawai-pegawai Bahagian Pencen ini ditambah supaya dapat menyelesaikan masalah yang begitu banyak di dalam negara kita.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya tiap-tiap pegawai kita apabila sahaja sampai pada waktu pencen, kalau sekiranya kita tidak dapat memberi pencen dengan segera sepertimana yang dikehendaki maka hendaklah diadakan sebuah Tabung Pendahuluan. Jika hendak disebut "pinjaman" atau sebagainya, saya bersetuju, tetapi saya bermaksud supaya diberi pendahuluan supaya mereka ini apabila mendapat wang pendahuluan barangkali kekuranganlah keadaan daripada yang ada pada masa sekarang.

Biasanya, Tuan Pengerusi, seseorang pegawai baik berpangkat besar atau kecil pada masa mereka bekerja tidaklah menjadi masalah sangat, kerana mempunyai pendapatan yang tetap dan mungkin disediakan rumah oleh pihak Kerajaan. Tetapi apabila mereka bersara, pada masa itulah boleh jadi sebahagian besar daripadanya terpaksa membuat rumah sendiri dan jika tidak ada rumah, terpaksa mereka ini menyewa rumah-

rumah di tempat mereka, memilih untuk mereka hidup pada masa mereka berpencen. Dan selain daripada itu, ada di antara pegawai-pegawai kita ini sungguhpun umurnya 55, tetapi mungkin anaknya masih kecil. Saya ada melihat ada seorang Pegawai Kerajaan yang telah bersara dan saya tengok anaknya bersekolah dan ada lagi yang masih kecil lebih kurang ada 10 orang dia menanggung pada masa pendapatannya daripada wang pencen.

**Tuan Pengerusi:** Ini kahwin lambatlah!

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Ini kahwin nombor dua. (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Oh! Nombor dua.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Yang pertama meninggal dunia. Jadi di dalam hal ini, kalau ada barangkali pegawai-pegawai daripada Perbendaharaan biasa mendengar rintihan-rintihan daripada pegawai-pegawai yang berpencen, sungguhpun ada orang berkata pegawai-pegawai yang berpencen ini tidak ada faedah lagi kepada Kerajaan. Ini tidak betul, Tuan Pengerusi, kerana mereka telah memberi perkhidmatan yang besar kalau mereka berkhidmat pada masa mereka berumur 20 tahun, mereka berpencen pada masa umur 55 tahun, sudah 35 tahun mereka menjalankan tugas untuk Kerajaan dan untuk rakyat, kalau lebih daripada itu tentulah lebih besar perkhidmatan mereka. Apa salahnya jika mereka ini apabila sahaja berpencen maka dengan seberapa segera kita memberi mereka wang pencen dan kita layan sebagai sebuah Kerajaan yang adil di dalam negara kita sendiri supaya tidak ada suara-suara daripada pegawai-pegawai berpencen yang ada dalam negara kita.

Dengan ini, saya merayu sangat-sangat kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbang satu Tabung Wang memberi pendahuluan ataupun pinjaman kepada pegawai-pegawai yang pencen, jika sekiranya perlaksanaan kewangan pencen ini tidak dapat diselesaikan sepertimana yang dikehendaki oleh rakyat sendiri.

6.00 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah Kepala B. 26—Kastam dan Eksais Di

Raja. Di sini saya hendak bawa satu perkara kepada Menteri berkenaan dengan cottage industry atau perusahaan kecil. Di kawasan saya ada beberapa buah kampung-kampung baru di mana didapati perusahaan kecil yang ada membuat proses kusyen untuk dijual. Kusyen itu diperbuat daripada scraps of sponge Dunloppillo. Tetapi malangnya orang yang membuka perusahaan kecil itu dikenakan excise duties.

Tuan Pengerusi, perusahaan kecil seperti ini kalau dikenakan excise duties adalah menjadi satu beban yang besar dan berat. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bila ada orang memproses sedikit barang-barang mesti dikecualikan excise duties, sebab cottage industry bukan perusahaan atau industri yang besar seperti di Shah Alam atau di Petaling Jaya. Modalnya sangat kecil, dia meminjam wang daripada kawan-kawan untuk mencari makan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, wang yang diperuntukkan ini hanya untuk membayar gaji tambahan . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** Ini berkenaan dengan pentadbiran.

**Tuan Pengerusi:** Pentadbiran boleh diucapkan dalam dasar am dan tidak dalam Jawatankuasa.

**Dr Chen Man Hin:** Jadi, sekian sahaja ucapan saya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada ahli yang lain hendak bercakap saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan, syor-syor dan teguran-teguran yang sangat-sangat dihargai.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kangar, di sini saya telah menghadapi sedikit masalah, sebab pelat bahasa beliau itu tebal sangat, tetapi yang saya dapat tahu itu ia telah membuat banyak rayuan sebab itulah adalah perkataan yang saya dengar dengan nyata. Kalau tidak salah saya rayuan-rayuan itu adalah berkenaan dengan kelambatan jentera pentadbiran Kerajaan kita, dan saya

di sini minta maaf kepada Yang Berhormat, kerana tidak dapat memberi penjelasan oleh kerana tidak begitu faham akan rayuan-rayuan yang telah dibuat. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, saya berjanji akan mengkaji semua rayuan-rayuan itu yang telah dicatitkan dalam *Hansard* yang belum disunting esok.

Keduanya, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah membangkitkan kelambatan membayar elaun dan juga kelambatan membayar pencen kepada pesara-pesara. Saya sangatlah bersimpati dengan pihak-pihak yang berkenaan dan saya ingin berjanji di sini juga perkara ini akan dibawa balik ke Perbendaharaan secepat mungkin, dan jalan-jalan akan dicari supaya pegawai-pegawai yang berkenaan dalam Perbendaharaan itu akan membuat koordinasi dengan Jabatan-jabatan yang lain yang berkenaan supaya masalah ini dapat diatasi secepat mungkin.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perincian wang pusingan, berkenaan dengan pembekalan perumahan murah kepada rakyat kita yang berpendapatan rendah itu. Saya suka memberitahu Dewan yang mulia ini, ini adalah satu masalah yang penting dan adalah diberi keutamaan dalam urusan-urusan Kerajaan kita pada masa sekarang.

Berkenaan dengan wang pusingan itu, saya rasa oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di Dewan pada masa sekarang, saya cadangkan untuk menjimatkan masa saya akan memberi jawapan dan penjelasan pada beliau itu secaratulisan.

Keempat, Yang Berhormat dari Matang, beliau menyentuh sedikit-sebanyak di atas masalah kelambatan ataupun kelemahan pentadbiran Kerajaan. Ini memanglah satu masalah yang sentiasa diawasi oleh bukan sahaja Perbendaharaan khasnya, akan tetapi juga oleh semua Kementerian-kementerian amnya. Mengenai tabung khas itu yang dicadangkan, saya akan mengambil perhatian atasnya yang membina itu. Akan tetapi lebih baik kalau kita boleh menyelesaikan masalah kelambatan membayar pencen itu. Bagi pihak saya sendiri tidak dapatlah menandakan apa-apa, melainkan menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang tahu tentang kes-kes yang specific supaya surat rayuan atau

complaint itu boleh ditujukan kepada saya sendiri dan saya berjanji akan menyiasat sendiri supaya kes-kes specific dapat diselesaikan secepat yang mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan perkara kilang kecil membuat kusen daripada scraps of sponge Dunloppillo. Mengikut beliau itu pengurus cottage industry itu telah dikenakan excise duties dan mengikut pendapat beliau cottage industry yang kecil itu tidak patut dikenakan cukai eksais. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum cukai eksais yang dikenakan di atas berbagai-bagai barang-barang siap yang dibuat daripada kilang besar atau kecil itu terlalu banyak jenis, dan di sini saya minta maaf kerana tidak dapat menerangkan apakah kepala ataupun code yang patut digunakan atas barang-barang siap kusen yang dibuat daripada scraps of sponge. Akan tetapi, saya cadangkan di sini kalau pembuat kusen yang telah disebutkan itu boleh datang ke Perbendaharaan pada satu masa yang sesuai, saya sanggup berjumpa dengan dia supaya mendapat penjelasan daripada beliau itu dan diharaplah daripada perjumpaan itu dapatlah diselesaikan perkara ini, dan lebih baik lagi Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu datang bersama-sama.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,612,800 untuk Kepala B. 24 dan \$1,055,800 untuk Kepala B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$423,768 untuk Kepala B. 26, \$114,643,433 untuk Kepala B. 27 dan \$10,000,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$1,399,100 untuk Kepala P. 26 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974.

*Kepala B. 31 (Jadual Kedua)—  
6.10 ptt.*

**Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan pengerusi, saya memohon peruntukan tambahan sebanyak \$42,491,965 bagi Kementerian Perusahaan Awam diluluskan oleh Dewan ini. Peruntukan tambahan ini adalah bagi membiayai tambahan perbelanjaan bagi 2 Perbadanan Awam iaitu Majlis Amanah

Rakyat (MARA) dan juga Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.). MARA memerlukan sebanyak \$9,202,365 dan L.P.N. pula memerlukan sebanyak \$33,289,600.

Tuan Pengerusi, untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai peruntukan tambahan yang dikehendaki oleh MARA eloklah diterangkan di sini akan pecahan-pecahan perbelanjaan atau aktiviti MARA yang memerlukan peruntukan tambahan tersebut. Ada 3 perkara yang menyebabkan peruntukan tambahan dikehendaki iaitu yang pertamanya ialah pembayaran tunggakan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Harun yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$6,953,702. Seramai 2,315 kakitangan MARA dan anak-anak syarikatnya mendapat faedah daripada tunggakan gaji tersebut.

Bagi perkara dua pula dengan arahan Kerajaan maka Badan-badan Berkanun juga terlibat dengan pembayaran bonos dan oleh itu sejumlah \$1,242,694 adalah diperlukan oleh MARA bagi pembayaran tersebut untuk tahun 1975 di mana peruntukan tidak dibuat bagi tahun belanjawan tersebut.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dimaklumi salah satu tugas yang diberi kepada MARA ialah untuk menambah bilangan guna tenaga bumiputra di peringkat pengurusan, iktisas dan teknikal. Untuk mencapai tujuan ini beberapa program telah diadakan oleh MARA iaitu program Pra-Universiti di luar negeri bagi calon tingkatan 5 sains, program Ijazah Pertama dan juga program Post-diploma. Semenjak tahun 1974 lagi telah didapati sara hidup didua buah negara iaitu di United Kingdom dan Amerika Syarikat telah meningkat naik dan ini menyebabkan MARA mestilah menseimbangkan kenaikan tersebut dengan biasiswa yang diberi itu supaya dapat meringankan beban penuntut-penuntut yang berada di dua buah negara tersebut. Oleh itu bagi perkara ketiga sejumlah \$813,254 adalah diperlukan bagi membiayai kenaikan biasiswa itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada peruntukan tambahan bagi Perbadanan yang kedua iaitu L.P.N. yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$33,289,600. Ini adalah untuk subsidi beras.

Negara telah mengalami krisis beras pada tahun 1973 berikutan dengan kekurangan beras di pasaran dunia dan krisis ini berlanjutan sehingga tahun 1974. Akibatnya harga beras di pasaran dunia telah melambung naik sehingga ketaraf \$1,250 satu metric tan bagi beras Siam dan \$1,160 satu metric tan bagi beras China dalam tahun 1974 berbanding dengan hanya \$413 bagi beras Siam dan \$703 satu metric tan bagi beras China dalam tahun 1973. Salah satu cara yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan harga beras di pasaran tempatan melambung naik ialah dengan mengadakan kan subsidi ke atas beras impot. Oleh itu sejumlah \$88 juta telah diperuntukkan pada tahun 1975 di bawah Kementerian ini bagi subsidi beras. Oleh kerana pengimpotan beras yang begitu banyak dalam tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 iaitu berjumlah 486,089 metric tan kesemuanya dengan harga \$478,833,500 adalah didapati peruntukan sebanyak \$88 juta itu tidak mencukupi. Oleh itu, untuk tahun-tahun berkenaan jumlah subsidi yang diperlukan ialah sebanyak \$121,31 juta dan oleh itu peruntukan sebanyak \$33,289,600 adalah diperlukan sebagai peruntukan tambahan bagi membiayai subsidi beras tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan sebanyak \$42,491,965 bagi Kementerian ini diluluskan oleh Dewan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$42,491,965 untuk Kepala B. 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Kepala B. 31 (Jadual Pertama)—*

*Kepala B. 34 dan B. 39 (Jadual Kedua)—*

*Kepala P. 30 dan P. 52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1974*

*6.16 ptg.*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mengusulkan Anggaran Tambahan Belanja Mengurus dan Pembangunan sebanyak \$28,339,829 bagi Kementerian Dalam Negeri diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Segala detail-detail adalah seperti berikut:

- (a) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1974 di bawah Kepala B. 31—Jabatan Imigresen 85,381

(b) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1976 di bawah Kepala B. 34—Polis Diraja Malaysia, dan Kepala B. 39—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ... 4,172,931  
... 162,805

(c) Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Keempat 1974 di bawah Kepala P. 30—Polis Diraja Malaysia dan Kepala P. 52—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ... 23,687,357  
... 231,355

Segala detail lanjut ada terkandung dalam Kertas Perintah 16/1976 dan 18/1976 dan 21/1976.

Saya mohon mencadangkan.

*6.18 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara untuk dibangkitkan. Pertama, mengenai Jabatan Imigresen mengenai Paspot dan Visa. Kita telah baca dahulu bahawa ada langkah-langkah diambil untuk simplify atau memudahkan peraturan untuk warganegara Malaysia melawat Sabah dan Sarawak di mana tidak perlu menggunakan paspot antarabangsa. Sampai hari ini kita tidak dapat laporan yang lebih lengkap mengenai apa yang telah berlaku. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu laporan mengenai paspot dan visa.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini langkah menaikkan 100 bayaran paspot antarabangsa dan paspot restricted sangat memeranjatkan dan menambahkan beban rakyat jelata. Ini satu kenaikan yang tidak boleh diclassifykan dan saya harap pihak Kerajaan boleh menurunkan bayarannya sungguhpun menambahkan belanja pentadbiran tentulah tidak payah menaikkan bayaran sehingga 100 peratus, 50 peratus atau 40 peratus oleh kerana orang-orang yang memohon paspot ini bukan semua orang-orang yang kaya-raya. Saya harap perkara ini boleh ditimbang dengan halus dan boleh menurunkan bayaran ini.

*6.21 ptg.*

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Pengerusi, barangkali tidak ada apa-apa yang saya hendak jawab panjang mengenai perkara ini, hanya perkara yang pertama itu kita masih lagi mengkaji perkara itu. Soal kenaikan harga paspot ini kepada 100 peratus kita pun tahu nilai paspot ini telah lama tidak dikaji dan oleh kerana negara kita pun memerlukan banyak wang dan tiap-tiap Jabatan telah

berusaha untuk mencari revenue yang sepatutnya bagi menjalankan pentadbiran negara kita dan sebaliknya pula mereka yang hendak pergi mendapatkan paspot antara-bangsa ini boleh dikatakan orang-orang yang berada belaka.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$85,381 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$4,172,931 untuk Kepala B. 34 dan \$162,805 untuk Kepala B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$23,687,357 untuk Kepala P. 30 dan \$231,355 untuk Kepala P. 52 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1974.

*Kepala P. 35 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 4), 1974—*

6.23 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak Menteri Penerangan Malaysia mengemukakan kepada Dewan ini satu peruntukan Pembangunan Tambahan bagi menambahkan daripada peruntukan anggaran asal daripada \$300,000 dengan peruntukan tambahan sebanyak \$3,600 iaitu dalam Pecahan-kepala 1—Angkasapuri Kuala Lumpur—Kerjakerja Tapak, Binaan dan Perkhidmatan-perkhidmatan. Peruntukan ini ialah bagi memperluaskan Oditorium besar dan juga memperbaiki repair di bahagian bangunan Angkasapuri yang terpaksa memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$3,600, iaitu sebagai detail Kertas Perintah 21 tahun 1976.

Maka dengan ini saya mohon kepada Dewan minta meluluskan tambahan sebanyak \$3,600 bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan tersebut.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,600 untuk Kepala P. 35 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974.

*Kepala B. 43 (Jadual Kedua)—*

6.25 ptg.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya perbelanjaan mengurus Kementerian Undang-undang bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 43 berjumlah \$4,121,500 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan), 1976. Semua butir-butir perbelanjaan yang diperlukan di bawah Kepala B. 43 adalah seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah tahun 1976 muka surat 11 dan 12.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.26 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut mengenai Biro Siasatan Negara di mana sebanyak \$4 juta adalah dikehendaki bagi membiayai Belanja Mengurus Biro Siasatan Negara dalam tahun 1976 berikutan dengan penyusunan semula beberapa Kementerian/Jabatan pada 5hb Mac 1976.

Tuan Pengerusi, dengan perpindahan Biro Siasatan Negara daripada dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Undang-undang, nampaknya tidak ada apa-apa hasil yang lebih berkesan daripada perpindahan portfolio ini. Sebaliknya boleh dikatakan bahawa gerakan untuk membasmikan rasuah nampaknya telah hilang momentum. Ada beberapa faktor-faktor yang kita mesti meneliti. Satu daripada faktor-faktor yang sangat mustahak ialah kekurangan kakitangan dalam Jabatan-jabatan Biro Siasatan Negara bukan sahaja di Ibupejabat tetapi di setiap negeri. Kita tahu bilangan establishment atau bilangan pegawai-pegawai yang ada di Jabatan-jabatan atau Pejabat Biro Siasatan Negara di setiap negeri tidak cukup melayan, menyiasat komplek atau butir-butir yang dikemukakan kepada Biro Siasatan Negara dan apabila berlaku kes-kes yang besar seperti yang terlibat tidak lama dahulu bekas Menteri Besar Selangor, kes RISDA atau kes-kes yang rumit. Kita tahu pegawai-pegawai di seluruh negeri ada diarahkan oleh Pusat di Kuala Lumpur atau di mana-mana siasatan ini dijalankan untuk menjalankan tugas ini oleh kerana di Pusat pun tidak ada cukup

kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai. Kes-kes seumpama ini mungkin memakan masa satu tahun, dua tahun, tiga tahun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara yang sedang Yang Berhormat katakan itu lebih sesuai kalau dicakapkan dalam masa membahaskan dasar. Ini hanya pindaan, sudah dibincangkan masa diluluskan dahulu di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi sekarang ini pindah di Kementerian sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sebut mengenai subject-subject ini, mengenai emolument-emolument, perkhidmatan-perkhidmatan semua dirujukkan dalam kertas ini, dan bukan dasar-dasar atau butiran-butiran.

**Tuan Pengerusi:** Kalau sebut detail satu-satu boleh, tetapi yang dicakapkan tadi belum detail, baru pada dasarnya sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan dasar Kementerian Undang-undang mengenai B.S.N.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi detail tidak apalah. Tetapi jangan dasar. Kalau detail boleh teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu kalau mahu satu kempen yang berkesan sangat mustahak bahawa ada langkah-langkah untuk yang pertama, menguatkan tenaga kakitangan-kakitangan, pegawai-pegawai di semua pejabat-pejabat Biro Siasatan Negara. Oleh kerana sekiranya tidak ada tambahan kepada bilangan pegawai-pegawai, berpindah atau menyusun Jabatan-jabatan di mana Biro Siasatan Negara dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Undang-undang tidak akan memberi apa-apa makna kepada perkara-perkara yang sangat pokok dan sangat besar mengenai rasuah.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Adakah panjang lagi hendak bercakap?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Boleh sambong esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 7hb Julai, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.*